



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3497]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 3566]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3619]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Peruntukan \$100,000 kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional
[Ruangan 3620]

Undang-undang untuk Mengisytiharkan Harta [Ruangan 3624]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABU SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Ĺabis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd . Saleh bin Mohd . Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam .

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd . Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 20hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**RAKAMAN KESET
BACAAN AL-QURAN**

I. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Majlis Hal Ehwal Islam Malaysia merancang hendak merakamkan bacaan kitab suci Al-Quran yang lengkap oleh qari dan qariah kebangsaan yang utama, dan/ juga penjelasan-penjelasan mengenai ibadat haji, puasa, sembahyang dan lain-lain lagi dalam bentuk keset untuk diedarkan kepada semua rumah rumah ibadat Islam di seluruh negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya program merakamkan bacaan kitab suci Al-Quran oleh qari dan qariah kebangsaan yang berjaya dalam Musabaqah Membaca Al-Quran telah pun diusahakan semenjak tahun 1983 lagi. Keputusan mengadakan program itu telah dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Seorang

qari iaitu Tuan Haji Ismail Hashim dan seorang qariah iaitu Puan Hajjah Rogayah binti Sulong sedang membuat rakaman bacaan ayat-ayat suci Al-Quran sebanyak 30 juzuk. Program ini dikendalikan dengan kerjasama Yayasan Islam Terengganu dan Kementerian Penerangan.

Mengenai penjelasan ibadat haji, puasa dan sembahyang melalui keset, pihak Kerajaan sedang berusaha sekarang.

Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah beliau sedar bahawa sekarang terdapat sindiket yang mencetak ataupun yang merakamkan keset-keset tentang hal kuliah-kuliah ataupun kenyataan-kenyataan agama yang menyeleweng daripada hakikat pengajaran Islam yang sebenar dan keset-keset ini bukan sahaja bertaburan di dalam Malaysia tetapi juga dihantar ke luar negeri kepada anak-anak kita yang berada di luar negeri kerana menyambung pelajaran tinggi mereka. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang adanya keset-keset mengenai kenyataan agama yang menyeleweng ini, maka apakah tindakan selanjutnya yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat memang pihak Kementerian menyedari bahawa terdapat sekarang banyak edaran

keset-keset agama di seluruh negara dan terdapat juga keset-keset yang melanggar ajaran. Walau bagaimanapun tidak terdapat sebarang undang-undang buat setakat ini di peringkat pusat untuk mencegah kegiatan tersebut. Kami berharap pihak Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan kerana sepertimana yang kita semua sedia maklum agama adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pihak Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya memerlukan penapisan terlebih dahulu kepada keset-keset ataupun surat-surat yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran untuk menentukan ayat-ayat suci yang dirakamkan itu terdiri daripada ayat-ayat suci yang betul.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tiap-tiap tahun negara kita telah mengadakan pertandingan ataupun Musabaqah Al-Quran dengan besar-besaran yang disertai oleh negara-negara Islam seluruh dunia. Adakah pihak Kerajaan telah buat tawaran kepada umat-umat Islam dari negara China dan Russia untuk menyertai bacaan Al-Quran nulkarim dalam musabaqah yang telah kita adakan tiap-tiap tahun itu? Dan adakah pihak Kerajaan ada membuat cadangan ataupun ini adakah satu perkara yang baik kalau kita pelawakan kepada mereka bersama-sama menyertai dalam musabaqah ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya fikir soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Tang di-Pertua: Ya, saya pun faham tetapi nampaknya soalan itu soal cantik (*Ketawa*).

Tuan Haji Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi telah menerangkan bahawa usaha merakamkan bacaan Al-Quran telah dilaksanakan dan Qari Haji Ismail Hashim yang kita tahu telah menyandang johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dirakamkan.

Adalah menjadi tujuan rakaman ini barangkali adalah bertujuan untuk melatih ataupun memberi ajaran kepada qari-qari yang lain bagi meninggikan mutu bacaan mereka itu. Tetapi mengapakah di dalam pertandingan atau musabaqah membaca Al-Quran nulkarim baru-baru ini kita telah tewas dengan pembaca-pembaca Al Quran dari negeri lain. Adakah mutu qari-qari kita telah merosot daripada yang telah sudah dan apakah tindakan Jabatan Perdana Menteri untuk mengatasi supaya di tahun depan kita pula mencapai kemenangan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun soal luas daripada soalan asal. Soalan asal ialah berkenaan dengan merakamkan bacaan.

JEJAMBAT DI LINTASAN KERETAPI BANDAR TAIPING—PEMBINAAN

2. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Lintasan Keretapi dari Bandar Taiping ke Assam Kumbang, Taiping menjadi satu masalah besar kepada pengguna-pengguna jalan tersebut. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membina Jejambat di jalan tersebut.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerja-kerja rekabentuk jejambat lintasan keretapi dari bandar Taiping ke Assam Kumbang telah pun disiapkan. Urusan pengambilan balik tanah juga sedang dijalankan. Peruntukan-peruntukan sebanyak \$1 juta bagi tahun 1985 telah pun diluluskan untuk kerja-kerja mengalihkan talian-talian perkhidmatan (services). Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan sebenarnya adalah dianggarkan akan memakan belanja sebanyak lebih dari \$13 juta. Kementerian saya telah pun meminta peruntukan-peruntukan tambahan ini tetapi oleh kerana peruntukan-peruntukan tambahan itu belum lagi diluluskan maka kerja-kerja pembinaan ini belum dimulakan. Perkara ini telah juga dibawa ke pengetahuan saya oleh Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Taiping iaitu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan Kementerian saya sekarang ini adalah sedang dalam proses berbincang dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan yang diperlukan itu. Insya Allah, apabila peruntukan ini diperolehi kelak kerja-kerja pembinaan ini akan dilancarkan dengan serta-merta.

MALAYSIA/NEGARA-NEGARA KOMUNIS—HUBUNGAN DIPLOMATIK DAN PERDAGANGAN

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) jumlah negara-negara komunis yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia;
- (ii) sama ada rakyat kita dibenarkan melawat negara-negara tersebut dan jika ya, apakah syarat-syarat yang dikenakan;

(iii) setakat ini berapakah jumlah rakyat kita yang telah melawat negara-negara tersebut (beri perpecahan mengikut kaum); dan

(iv) amaun perdagangan yang dilakukan oleh Malaysia dengan setiap negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kita yang berkecuali Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik dengan semua negara-negara komunis. Namun demikian, Kerajaan Malaysia tidak sekali-kali mengiktiraf rejim-rejim haram yang didirikan dengan sokongan tentera asing seperti Kampuchea dan Afghanistan.

Mengenai perkara yang kedua, Kerajaan Malaysia tidak menggalakkan hubungan antara rakyat ataupun lawatan ke negara-negara komunis yang tersebut kerana bimbang hubungan ini akan diambil kesempatan oleh elemen-elemen yang tidak sihat dalam cara yang tidak sesuai dengan keselamatan negara kita. Kerajaan juga tidak membenarkan hubungan rakyat yang tidak dikawal dengan Republik Rakyat China kerana sokongan berterusan negara tersebut kepada apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya. Walau bagaimanapun, hubungan dua hala dan perdagangan di antara Kerajaan adalah digalakkan sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

Ketiga, untuk soalan Ahli Yang Berhormat yang ketiga itu sukacita dimaklumkan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang telah melawat negara-negara komunis tidak dapat disebutkan dengan cara terperinci oleh sebab Kerajaan tidak menyimpan rekod.

Keempat, berhubung dengan jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara komunis yang jumlahnya melebihi 20 buah negara, sukacita saya mengumumkan di sini nilai eksport Malaysia kepada rakan perdagangan negara-negara komunis yang terbesar sahaja bagi tahun 1983 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>(\$) juta</i>
Soviet Union	700.6
China	364.0
Yugoslavia	50.7
Czechoslovakia ..	50.4
Poland	30.8
Hungary	17.0
Bulgaria	12.3
Romania	10.5
Republik Demokratik Jerman	6.4

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri dengan adanya hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis sebanyak 20 buah itu apakah setakat ini boleh menimbulkan pengaruh-pengaruh yang tidak baik kepada rakyat kita dengan hubungan yang diadakan itu. Dan adakah setelah hubungan diplomatik diadakan negara kita memutuskan hubungan diplomatik itu oleh kerana negara itu adalah merbahaya jika diteruskan hubungan diplomatik.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum salah satu dasar pokok negara kita ialah berbaik-baik dengan semua negara dalam dunia ini tanpa mengira ideologi oleh sebab komunisme adalah suatu fahaman yang bertentangan

dengan ideologi dan keperibadian negara kita maka Kerajaan sentiasa mengawasi supaya hubungan kita dengan negara-negara dan rejim-rejim komunis ini tidak menjejaskan keselamatan negara kita. Setakat ini kita tidak ada sebab musabab yang penting yang kokoh untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan mana-mana juga negara komunis dalam dunia ini.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Cuba memandangkan bahawa Cuba sebuah negara yang banyak mengeluarkan tebu.

Perkara yang kedua, berapa ramai rakyat keturunan China di dalam negara kita ini yang memohon untuk melawat negeri China tiap-tiap tahun dalam jangka setahun dua ini mengikut angka yang kasar kalau tidak dapat diberikan yang detail.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita mengiktiraf Kerajaan Cuba; kita mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Cuba yang kita tidak ada hanya satu pejabat kedutaan di sana.

Mengenai negeri China pula, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk menjawab soalan ini kerana angka-angkanya disimpan oleh Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara-negara yang telah membangun di Barat sedang mengamalkan suatu sistem protectionist, dengan izin, dalam

bidang perdagangan dan memandangkan bahawa ideologi adalah suatu hal tetapi wang tunai keras (hard cash) adalah suatu hal lain, adakah pihak Kerajaan akan menyiasat kemungkinan untuk membuka pasaran-pasaran di Komunis China sebagai hasil-hasil Malaysia seperti kayu, getah atau minyak kelapa sawit ataupun barang-barang yang kita buat di Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum kita sentiasa menggalakkan perdagangan dengan semua negara-negara dalam dunia ini termasuk negara-negara komunis termasuk negeri China. Untuk mengatasi soal kekurangan hard cash, foreign exchange dan sebagainya dengan negara-negara komunis, kita telah pun experiment dengan berbagai-bagai cara perdagangan yang lain seperti counter-trade dan sebagainya.

RANCANGAN KAMPUNG BERKELOMPOK

4. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan Rancangan Kampung Berkelompok yang sedang dirangkaikan oleh Kementerian ini. Sejauh manakah rancangan ini telah disediakan untuk pelaksanaannya. Apa-apakah tujuan positif Kerajaan dengan rancangan ini di dalam usaha meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera khasnya di kawasan kampung-kampung tradisional.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Kampung Berkelompok dan Pembangunan Bandar-bandar Kecil di luar bandar ialah idea Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu, beliau sendiri telah mengadakan satu mesyuarat khas pada 10-4-1984 bagi membolehkan setiap ketua agensi yang terlibat dengan pembangunan kampung dan luar bandar mendapat penjelasan dan penerangan secara langsung daripadanya bersangkutan dengan dasar, pendekatan, strategi dan keutamaan-keutamaan yang ditentukan untuk dilaksanakan.

Secara ringkas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya diadakan Rancangan Pembangunan Kampung secara berkelompok dan pengwujudan bandar-bandar kecil dengan segera oleh agensi-agensi yang berkaitan dari semua Kementerian.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri diberi tanggungjawab bersama untuk menyelaras dan mengawasi perkembangan pelaksanaan rancangan ini.

Penyelarasan di peringkat kawasan dan negeri akan dibuat oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada peringkat permulaan rancangan ini pihak Setiausaha Kerajaan tiap-tiap negeri telah diarah untuk mengenalpasti kawasan di mana projek ini di peringkat awal dilaksanakan dan mengenalpasti agensi khusus yang terlibat dalam rancangan berkenaan.

Sehingga kini semua negeri telah mengenalpasti kawasan dan agensi yang terlibat dan sedang menyusun program tindakan untuk melaksanakan rancangan pembangunan kampung berkelompok ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rancangan ini ialah untuk

menggembeling tenaga dan harta secara kolektif ke arah meninggikan taraf hidup masyarakat luar bandar. Rancangan ini akan diadakan untuk membina semangat berusaha, bekerjasama dan berdikari dengan menguntungkan. Kemudahan-kemudahan asas juga dapat dibekalkan di kampung-kampung berkelompok ini dengan perbelanjaan lebih murah.

Kerajaan juga akan memaklumkan kepada penduduk-penduduk luar bandar mengenai aspek-aspek pelaburan yang merangkumi konsep kos pulangan dan keuntungan. Penyediaan pengetahuan demikian adalah perlu kerana ramai orang-orang luar bandar menganggap bahawa wang adalah hanya satu kemudahan semata-mata untuk urusan pertukaran. Konsep wang sebagai alat pelaburan belum sehati dalam pemikiran mereka.

Kerajaan juga berhasrat untuk mendidik masyarakat supaya memilih cara-cara mereka menggunakan wang. Kesedaran mengenai cara menggunakan wang inilah yang telah mengakibatkan perbezaan pencapaian ekonomi di antara masyarakat luar bandar dan bandar malah di antara berbilang kaum. Jika Kerajaan tidak dapat mengubah sikap dan cara pendekatan masyarakat, maka keadaan masyarakat luar bandar akan berada di tahap yang lama.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria-kriteria yang akan ditentukan oleh pihak Kerajaan untuk memilih tempat-tempat yang akan menjadi pilihan yang menjadi kampung berkelompok itu dan adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya keseluruhan infrastruktur yang tertinggal di mana kawasan-kawasan yang terlibat itu akan disempurnakan dengan secepat yang mungkin.

Dato' Sanusi bin Junid: Dalam melaksanakan program ini Kerajaan telah mengarahkan supaya setiausaha-setiausaha Kerajaan di peringkat negeri memilih kampung-kampung yang dianggap strategik yang masyarakatnya dapat bekerjasama di dalam program ini dan kemudahan-kemudahan asas di situ juga kekurangan dan program ini di peringkat printis dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jika program ini didapati mudah dilaksana ataupun jika susah dilaksanakan dapat dipermudahkan nanti maka ianya akan dilaksanakan secara menyeluruh.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu daripada jawapan yang telah diberikan di samping melaksanakan rancangan kampung berkelompok ini akan diusahakan juga pembangunan bandar-bandar kecil di kawasan-kawasan tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri telah merancang dalam rancangan Kerajaan ini untuk memajukan bandar-bandar kecil yang keadaannya begitu uzur ketika ini di kawasan-kawasan kampung tradisi. Di samping membangunkan rancangan berkelompok dimajukan bandar-bandar kecil yang terdapat di seluruh negara kita.

Dato' Sanusi bin Junid: Kita akan cuba satu-satu dahulu. Sekarang kita cuba satu negeri satu kampung.

PETRONAS—PROJEK PENGGUNAAN GAS

5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan Fasa Pertama Projek Penggunaan Gas Semenanjung sejak siapnya Projek Pembangunan Gas Duyung dalam bulan April tahun ini, dan bilakah Fasa 2 dan 3 yang

melibatkan penyaluran gas ke Pantai Barat, Utara dan Selatan semenanjung masing-masingnya akan dimulakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, ini salah satu soalan yang selalu ditanya di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun ada beberapa perkembangan yang baru yang boleh saya gariskan dalam jawapan saya pada kali ini.

Gas dari Lapangan Duyung telah pun mula disalurkan ke pantai Terengganu oleh PETRONAS Carigali dalam bulan April tahun ini, tahun 1984. Peringkat yang seterusnya melibatkan penyaluran gas dari loji memproses gas di Kertih ke Stesyen Janakuasa LLN di Paka dan dijadualkan akan siap pada penghujung bulan Ogos, 1984. Peringkat ini akan diikuti pula oleh penyaluran gas asli ke loji Besi Waja HICOM di Telok Kalong, Kemaman dalam bulan September 1984 ini.

Menjelang penghujung bulan Mac, 1985 gas asli dijangka akan siap disalurkan ke kompleks perumahan PETRONAS di Kertih dan Terminal Gas Cecair Petroleum (LPG) di Tanjong Berhala di Kemaman juga. Adalah dijangkakan bahawa menjelang tahun 1989—lebih-kurang Januari, 1989 gas yang disalurkan dari Terengganu akan sampai ke Pelabuhan Kelang, Johor Bahru dan Singapura, mudah-mudahan dapat diselesaikan perbincangan untuk Singapura membeli gas asli kita pada masa itu dan seterusnya ke utara pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

PETRONAS pada ketika ini sedang menjalankan kajian untuk menentukan laluan secara optima bagi rangkaian saluran paip gas tersebut

seperti yang dikatakan tadi. Kajian-kajian ini perlu dibuat secara lebih awal memandangkan masa yang panjang diperlukan untuk pembelian atau penyelesaian tanah-tanah yang terlibat bagi saluran paip gas.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun sudah banyak jawapan diberi mengenai gas tetapi orang ramai masih juga belum tahu termasuk saya sendiri, apakah gas ini akan dapat mengambil alih sepenuhnya fungsi tenaga elektrik yang sekarang digunakan di rumah-rumah dan juga untuk tujuan perusahaan. Kalau tidak, apakah fungsi-fungsi yang tidak boleh dibuat oleh gas dan dapat hanya dibuat oleh tenaga elektrik dalam soal penggunaan domestic dan juga penggunaan kilang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi matlamat jangka panjang bagi negara kita untuk cuba mengurangkan penggunaan tenaga daripada petroleum dan memperluaskan penggunaan tenaga daripada gas ini. Tentulah ini memerlukan teknologi tambahan di negara kita ini kerana untuk menyalurkan gas ini ke kawasan-kawasan perindustrian, kilang-kilang dan juga kepada perumahan-perumahan ini memang akan memerlukan bukan sahaja satu dasar yang tertentu daripada Kerajaan kita akan tetapi juga kepakaran dan teknologi yang optima ataupun yang munasabah dan boleh memajukan perindustrian itu apabila telah dimulakan di masa itu. Kita tidak boleh merangka ataupun memberi masa yang tertentu bilakah ia tercapai ini tetapi sebagai dasar Kerajaan memanglah matlamat seperti yang saya katakan tadi. Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memperhebatkan dan memperluaskan lagi penggunaan gas asli terutama sekali methane di seluruh rata-rata Semenanjung

Malaysia ini kerana simpanan gas diluar Pantai Timur Semenanjung itu memang begitu banyak dan tanda-tanda menunjukkan yang masih ada lagi telaga gas asli yang belum kita cungkil atau belum kita dapati pada ketika ini.

PENGAJIAN TAMADUN ISLAM DI UNIVERSITI

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) mulai sesi 1984/1985, mana Universiti tempatan telah memperkenalkan Tamadun Islam sebagai mata pelajaran wajib; dan
- (ii) sama ada beliau sedar keputusan untuk menjadikan "Tamadun Islam" sebagai mata pelajaran wajib bercanggah dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri dahulu bahawa ianya cuma adalah mata pelajaran opsional.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, mulai sesi 1983 dan 1984 semua universiti kecuali Universiti Malaya telah memperkenalkan kursus ataupun pengajian Tamadun Islam sebagai satu matapelajaran yang perlu diikuti oleh pelajar-pelajar. Universiti Malaya akan memperkenalkannya untuk sesi 1984 dan 1985. Sebenarnya mata pelajaran ini bukanlah diwajibkan untuk peperiksaan tetapi adalah digalakkan pelajar mengikutnya. Ini adalah untuk kebaikan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyesuaikan untuk satu masyarakat yang berbilang bangsa dan berbagai agama dan akar umbi kebudayaan, bukankah lebih

sesuai bahawa kursus ini—Tamadun Islam ditukar kepada satu kursus di mana Tamadun semua agama yang ada di sini, semua kaum yang ada di sini boleh diadakan supaya semua mahasiswa/mahasiswi semua kaum boleh faham unsur-unsur latarbelakang agama-agama, kebudayaan-kebudayaan yang ada di Malaysia yang lebih sesuai untuk satu masyarakat kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tujuan diadakan kursus Tamadun Islam ini adalah satu tujuan khusus supaya dengan adanya kursus Tamadun Islam itu supaya agama Islam yang menjadi agama rasmi yang dianuti oleh sebilangan besar oleh penduduk-penduduk di negara ini dapat difaham kerana kedudukan Islam, di negara kita ini sebagai satu agama yang dianuti oleh ramai penduduk-penduduk tentu mempunyai kesan dan pengaruh yang sangat besar kepada kehidupan di negara kita.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalah tambahan. Adakah kursus Tamadun Islam ini merupakan satu kursus akademik ataupun kursus agama dan adakah para pengajar bagi kursus ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah agama, kerana ini mungkin disalahfahamkan sebagai satu langkah untuk cuba menyakinkan pelajar-pelajar bukan Islam untuk masuk Islam?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah dianggapkan untuk hendak menggunakan istilah yang digunakan oleh saudara Yang Berhormat tadi bukan kursus agama dan dia tidak ada kena mengena langsung dengan sebarang niat untuk memaksa penerimaan agama Islam di kalangan pelajar yang bukan beragama Islam.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang

Berhormat Menteri ada berkata kursus ini adalah compulsory subject atau mesti mahu study, sungguhpun tidak mesti diambil dalam peperiksaan. Di sini saya ingin bertanya adakah menteri berkenaan sedar bahawa kepada rakyat religion adalah sangat sensitif dan ada beberapa religion atau ugama tidak membenarkan mereka membaca atau mengetahui lain-lain ugama? Ini ada bertentangan dengan niat ugama dan ini adalah satu perkara yang sensitif. Bolehkah Kementerian yang berkenaan membincangkan hal ini sebelum melancarkan subject ini oleh kerana ini adalah suatu sensitive subject.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kursus ini telah pun dimulakan dan telah pun diperkenalkan dan saya tidak nampak apa sensitifnya. Selalunya perkara-perkara seperti ini menjadi sensitif bila ada berlakunya tindakan-tindakan daripada ahli-ahli politik yang cuba menggunakan isu-isu seperti ini untuk tujuan politik, maka itu yang jadi sensitif, tetapi saya ingat bagi rakyat kita selain perkara seperti ini sebagaimana terbukti tidaklah sebegitu sensitif. (*Tepuk*).

VISA KE INDIA — DASAR KERAJAAN

7. Tuan Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan Kerajaan dalam perkara pengenaan sistem visa bagi penghijrah-penghijrah ke India yang tidak sepatutnya oleh Kerajaan India.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan India telah mengenakan peraturan visa kepada semua warganegara Commonwealth yang

masuk ke India dan tidak kepada warganegara Malaysia sahaja. Peraturan mengenakan visa oleh Kerajaan India itu adalah hak istimewa atau prerogative Kerajaan tersebut dan kita tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal negara mereka.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, peraturan visa yang dikeluarkan oleh Kerajaan India itu adalah secara menyeluruh dan meliputi pemegang-pemegang pasport diplomatik dan pasport rasmi juga, tanpa mengira tempoh ataupun tujuan lawatan. Bayaran yang dikenakan bagi mendapat visa ini adalah bersamaan M\$12. Pemegang-pemegang pasport diplomatik dan rasmi adalah dikecualikan dari bayaran.

Oleh sebab Kerajaan India telah mengenakan peraturan visa kepada semua warganegara Malaysia yang memasuki India, maka berasaskan kepada perinsip timbal balik, principle of reciprocity, Kerajaan Malaysia juga akan mengenakan peraturan visa kepada semua warganegara India yang memasuki Malaysia mulai 1hb Ogos, 1984. Bayaran sebanyak \$12 juga akan dikenakan bagi setiap permohonan visa tersebut. Namun demikian, pemegang-pemegang pasport diplomatik dan rasmi adalah dikecualikan dari bayaran.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan langkah baru Kerajaan India mengenakan visa untuk warganegara asing masuk ke India ini, adakah kita dapati sekarang bilangan orang-orang Malaysia keturunan India yang tinggal di Malaysia ini sudah berkurangan pergi ke India sejak dikenakan langkah baru?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya

rasa ini mungkin terlalu awal untuk kita membuat satu kepastian. Namun demikian, saya rasa sudah tentu ini akan mengurangkan sedikit jumlah bilangan orang-orang yang melawat India nanti.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar tadi mengatakan Kerajaan India telah mengenakan kepada semua negara-negara Commonwealth bukan sahaja negara Malaysia, tetapi sebaliknya Kerajaan kita hanya mengenakan kepada negara India sahaja. Seolah-olahnya macam tindakbalas sahaja.

Jadi apakah kita mengadakan satu dasar yang teguh, satu dasar yang menyeluruh yang sama dengan Kerajaan India supaya mengenakan kepada semua negara-negara Commonwealth yang masuk ke sini dikenakan visa?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, peraturan visa ini adalah berdasarkan kepada principle of reciprocity, ada untung ruginya kita mengenakan visa dan pada masa ini Kerajaan rasa tidak perlu lagi kita mengenakan visa kepada kerajaan-kerajaan lain yang sedia ada.

OFF-BUDGET AGENCIES— DASAR AKAUNTABILITI AWAM

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah agensi dan syarikat yang diistilahkan sebagai "off-budget agencies" (OBA's) yang terdapat sekarang dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menempatkan kesemuanya di bawah pengawasan Juruaudit Negara dengan tujuan untuk mematuhi dasar "accountability awam" oleh kerana

jumlah besar wang orang ramai terlibat dalam OBA's ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah agensi dan syarikat yang diistilahkan sebagai "off-budget agencies" (OBS's) sekarang ialah sebanyak 13 kesemuanya. Ianya terdiri dari Badan Berkanun atau syarikat-syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan.

Sukalah saya menjelaskan bahawa "off-budget agencies" ini adalah tertakluk kepada Akta-akta atau Undang-undang yang menubuhkan mereka masing-masing. Pengauditan bagi Badan-badan Berkanun adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan), 1980.

Di bawah Akta tersebut semua akaun Badan-badan Berkanun adalah diaudit oleh Ketua Audit Negara sendiri atau oleh Juruaudit-juruaudit swasta atas arahan Ketua Audit Negara.

Bagi syarikat-syarikat milik Kerajaan pula, mereka adalah ditubuhkan di bawah undang-undang Akta Syarikat 1965 dan akaunnya adalah diaudit oleh Juru Audit swasta yang dilantik oleh syarikat-syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Audit 1957, Kerajaan boleh meletakkan syarikat-syarikat tersebut di bawah pengauditan Ketua Audit Negara sekiranya didapati perlu. Setakat ini, Kerajaan belum lagi mendapati perlu bagi mana-mana syarikat tersebut diletakkan di bawah pengauditan Ketua Audit Negara.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan "off-budget agencies" ke dalam Belanjawan iaitu memasukkan mereka ini ke dalam

Budget supaya kita boleh mendapat satu gambar rajah yang menyeluruh mengenai belanjawan ke semua agensi Kerajaan?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab OBA's ini adalah Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan, Kementerian Kewangan memikirkan tidak wajarlah anggaran-anggaran bagi badan-badan ini diletakkan di bawah anggaran-anggaran seperti yang kita adakan sekarang ini termasuk Kementerian-kementerian dan sebagainya.

FELDA—PESERTA RANCANGAN

9. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilangan peserta FELDA serta bilangan pemohon ke FELDA yang masih menunggu keputusan pada 1hb Januari, 1984 mengikut pecahan kaum. Apakah sebab-sebab yang mengakibatkan taraf penyertaan peneroka-peneroka bukan Melayu yang sangat rendah dalam skim-skim FELDA. Apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh Kementerian dalam menggalakan lebih banyak penyertaan oleh kaum bukan Melayu untuk memastikan supaya skim-skim FELDA menggambarkan komposisi kaum negara kita, selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru serta memupuk integrasi dan perpaduan antara peneroka-peneroka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1hb Jun, 1984 ada seramai 83,309 peneroka di rancangan FELDA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Cina	1,273
India	1,462

Lain-lain	37
Bakinya—keturunan Melayu ..	

Bilangan peneroka yang menunggu pula seramai 7,395 untuk ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Pecahan Kaum</i>	<i>Bil. Pemohon Masih Menunggu</i>
Melayu	6,182
Cina	320
India	857

Pengambilan calon-calon peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Di negeri-negeri di mana permohonan untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA dibuka, didapati sambutan daripada kaum bukan Melayu adalah dingin. Ramai daripada mereka yang dipelawa masuk ke rancangan tidak melaporkan diri dan ada juga di antara mereka yang melaporkan diri kemudiannya meninggalkan rancangan.

Sebagai contoh dalam tahun 1983 sahaja, seramai 160 calon bukan Melayu telah dipelawa masuk ke FELDA Keratong 7 dan Keratong 9 di Pahang dan FELDA Linggiu di Johor tetapi hanya 56 calon, lebih kurang 35% yang melaporkan diri.

Walau bagaimanapun, pada masa kebelakangan ini bilangan permohonan yang diterima dari kaum bukan Melayu telah mula meningkat. Adalah diramalkan bahawa dengan sambutan yang lebih itu ramai lagi bukan Melayu akan dapat ditempatkan di rancangan-rancangan

FELDA di masa-masa yang akan datang.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Didapati calon-calon peneroka yang diterima untuk masuk menjadi peneroka rancangan FELDA ialah bergantung kepada umurnya yang telah ditetapkan dan dengan demikian terdapat banyak di antara orang-orang yang masih boleh bekerja tetapi umurnya lebih sedikit, misalnya berumur 40 tetapi dia masih sihat dan terdapat di antara umur yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan tetapi mereka itu tidak sihat.

Maka kebanyakannya yang lari daripada Felda itu, setengah daripadanya mereka ialah kerana bergantung kepada kesihatan.

Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah tentang had umur iaitu ditukarkan kepada had kesihatan mereka?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi satu dasar ataupun syarat yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ini bahawa pemohon-pemohon yang hendak menyertai rancangan FELDA itu mempunyai syarat-syarat tertentu. Di antara lain, sebagaimana yang disebutkan tadi ialah tentang umur iaitu pemohon biasa antara 18-40 tahun dan pada hemat Kementerian bahawa umur di antara 18-40 tahun ini adalah merupakan umur yang sewajarnya yang boleh dijadikan salah satu syarat untuk menentukan seorang pemohon itu layak ataupun tidak layak untuk menyertai rancangan FELDA sebagaimana yang berjalan sekarang dan pihak Kerajaan merasakan bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan itu adalah menasabah dan baik.

BELIANIAGA—HASIL KEJAYAAN RANCANGAN

10. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah jumlah penglibatan belia-belie negara kita di dalam skim "Belianiaga" yang dianjurkan oleh Kementerian. Adakah Kementerian mengetahui jumlah yang berjaya dan jumlah yang gagal;
- (b) adakah sekim ini akan diperluaskan lagi dan jumlah peruntukan akan melebihi kesedaran memandangkan kesedaran kepada perniagaan sudah semakin bertambah di kalangan belia-belie; dan
- (c) apakah rancangan galakan ekonomi yang sedang disusun oleh Kementerian selain dari skim yang tersebut di atas bagi menambahkan lagi belia-belie kita di bidang ekonomi.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustafa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, rancangan belianiaga yang telah dijalankan oleh Kementerian ini semenjak tahun 1976-1983 telah mewujudkan sebanyak 1,055 projek dan seramai 1,196 belie telah terlibat sebagai pengusaha projek.

Jumlah bantuan yang telah dikeluarkan ialah sebanyak \$17,733,387. Sehingga sekarang projek yang masih berjalan ialah sebanyak 825 dan yang telah gagal pula sebanyak 230 projek.

Di samping rancangan belianiaga Kementerian ini juga telah memberikan bantuan untuk belia-belie menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di bawah rancangan

perniagaan kecil. Dalam tahun 1977 sehingga 1983 sebanyak 999 projek telah diwujudkan dan jumlah bantuan yang dikeluarkan ialah sebanyak \$1,509,809. Sehingga kini projek yang masih berjalan ialah 604 projek dan yang gagal sebanyak 395.

Menjawab soalan (b), Kementerian memang menyedari minat belia-belia untuk menceburkan diri di bidang perniagaan semakin bertambah bilangannya. Oleh itu Kementerian ini sedang meningkatkan lagi jumlah belia di bidang perniagaan dan sedang berusaha untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan bagi membantu belia-belia untuk menjadikan bidang perniagaan sebagai pekerjaan tetap yang boleh menjamin kehidupan mereka di masa hadapan.

Menjawab soalan (c), rancangan galakan ekonomi yang sedang disusun dan dilaksanakan oleh Kementerian ini ialah projek belia peladang, projek rancangan koperasi belia dan projek perusahaan kecil.

Kementerian ini sedang mengkaji semula projek belia peladang yang dapat menambahkan pendapatan belia melalui usaha sendiri di bidang pertanian. Walaupun bantuan untuk projek ini telah dihentikan tetapi projek-projek yang masih berjalan akan sentiasa diberi perhatian dan bimbingan supaya projek-projek ini dapat berkembang dan maju.

Rancangan koperasi belia sedang dilaksanakan untuk melibatkan belia-belia dalam kegiatan koperasi. Kementerian ini dengan kerjasama Jabatan Koperasi telah menjalankan kursus untuk memberi kesedaran dan pendidikan serta kepimpinan di bidang koperasi.

Dari kursus dan galakan yang diberikan diharap lebih ramai belia berminat untuk menyertai atau menubuhkan koperasi belia untuk

menjalankan projek ekonomi secara besar-besaran dan menguntungkan.

Projek perusahaan kecil sedang diusahakan di kawasan-kawasan yang banyak mengeluarkan bahan-bahan mentah tempatan untuk diproses dan dapat dihasilkan. Projek ini mendapat kerjasama teknikal dan kepakaran dari sukarelawan-sukarelawan bangsa-bangsa bersatu yang berkhidmat dengan Kementerian ini di samping mendapat bantuan kewangan dari luar negeri seperti Jerman Barat dan Kanada.

Antara projek yang sedang dijalankan dan disusun termasuklah bengkel teknologi desa, projek memelihara lebah, perusahaan memproses kerepek pisang dan perusahaan kecil kraftangan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian membuat kajian sebab-sebab mengapa belia-belia itu gagal di dalam bidang-bidang perniagaan yang mereka ceburi dan kalau ada, adakah Kerajaan sudah membuat garis panduan supaya dapat digunakan oleh belia yang akan melibatkan diri dalam perniagaan di masa hadapan.

Soalan kedua, adakah Kerajaan akan terus membantu mereka yang telah gagal kerana di dalam hal perniagaan memang selalunya peniaga-peniagaan itu menghadapi jatuh bangun. Oleh sebab mereka telah pun mempunyai pengalaman berniaga maka adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan seterusnya supaya dapat mereka bangun semula?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kegagalan belia-belia itu di dalam perniagaan tentulah banyak tetapi biasanya sebab-sebab utama kegagalan itu adalah ketahanan yang

rendah dalam menghadapi cabaran perniagaan. Jadi oleh sebab mereka tidak begitu tahan dalam menghadapi cabaran perniagaan itu, ramai yang telah pun meninggalkan perniagaan dan memilih pekerjaan yang lain.

Mana-mana belia yang masih juga berminat walaupun mereka gagal. Kementerian kami sebagai langkah susulan telah pun memberikan bimbingan dan nasihat semoga kegagalan itu tidak berterusan dan adalah diharapkan supaya mereka berjaya kelak.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi bertanya yang gagal, saya ingin mengetahui yang berjaya 825 itu masih berjalan. Adakah maksud masih berjalan perniagaan itu hanya ditahap yang lama sahaja ataupun maksudnya sudah berkembang dan kalau yang berkembang sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh mereka yang telah berjaya itu?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Untuk memberi detail satu persatu memang agak sulit tetapi saya suka beri pengakuan bahawa mereka adalah telah berkembang dan maju.

I.A.D.P.—PENINGKATAN EKONOMI

11. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapa peratuskah peningkatan ekonomi penduduk di kawasan terlibat dengan penubuhan I.A.D.P. sejak agensi ini dilancarkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Kementerian Pertanian sedang melaksanakan 15 buah projek-projek kawasan pembangunan pertanian bersepadu di seluruh Malaysia. Kebanyakan projek-projek ini masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Oleh yang demikian, kesan projek terhadap ekonomi penduduk-penduduk yang terlibat tidak dapat dinilai secara keseluruhannya. Hanya empat buah projek kawasan pembangunan pertanian bersepadu telah siap iaitu Projek MADA 1, Projek KADA 1, Projek Pertanian Besut dan Projek Kelantan Utara. Di dalam kawasan projek-projek yang telah siap Kerajaan telah dapat meningkatkan hasil padi daripada purata 3.2 tan sehektar kepada 4.3 tan sehektar. Kawasan-kawasan ini pula dapat ditanam dengan padi dua kali setahun. Maka dapatlah meningkatkan lagi pengeluaran hasil padi di kawasan-kawasan berkenaan. Di kawasan MADA pula hasil pengeluaran bertambah dari 316,993 tan setahun. Pada tahun 1970 menjadi 835,396 tan dalam setahun, pada tahun 1982. Sementara di kawasan KADA pula hasil padi dapat ditingkatkan daripada 94,022 tan menjadi 125,808 tan. Oleh kerana peningkatan hasil padi dikebanyakan projek-projek yang telah siap maka pendapatan petani juga turut meningkat.

Hasrat Kerajaan meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan dengan melaksanakan projek-projek kawasan pembangunan pertanian bersepadu. Kemudahan-kemudahan lain seperti jalan-jalan dan peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk memperbaiki lagi keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduk yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Mohd. Yusof bin Yakob tidak hadir).

PENJARA TERBUKA

13. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah terdapat bukti-bukti bahawa ada pihak-pihak yang berjaya menyeludupkan dadah kepada banduan-banduan di penjara-penjara di negara ini jika benar:

- (a) nyatakan nama dan berapa buah penjara yang terlibat di negara ini serta berapa ramai pula banduan-banduan yang menjadi mangsa penyeludupan itu;
- (b) apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mempertingkatkan lagi mutu kawalan di penjara-penjara di negara ini untuk mencegah kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab seperti itu dan sebagainya; dan
- (c) kegiatan penyeludupan dadah ke penjara-penjara itu tidakkah akan menjejaskan rancangan Kerajaan untuk memperluaskan konsep Penjara Terbuka di negara ini. Jika ya, apakah langkah-langkah kawalan-kawalan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak penjara bagi menjamin semua banduan di bawah konsep Penjara Terbuka itu bebas daripada menjadi mangsa kegiatan penyeludupan seumpama itu. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bilangan banduan-banduan serta institusi-institusi penjara yang didapati terlibat dengan dadah dalam tahun ini

sehingga bulan Jun adalah seperti berikut:

Kuala Lumpur	32 orang
Taiping	6 orang
Pulau Pinang	86 orang
Johor Bharu	14 orang
Seremban	tidak ada seorang pun
Alor Setar	seorang
Jumlah	139 orang

Ketua-ketua institusi penjara telah menjalankan pemeriksaan harian dan mengejut dari masa ke semasa ke atas pegawai-pegawai, pakaian seragam dan kakitangan awam seperti pegawai kerani, guru sekolah, pelayan pejabat dan pengajar pertukangan bagi memastikan mereka tidak membawa masuk dadah ke dalam penjara untuk diedarkan kepada banduan-banduan. Pemeriksaan juga kerap dijalankan oleh pegawai-pegawai terhadap banduan-banduan. Bilik-bilik mereka dan juga pelawat-pelawat yang datang melawat banduan di institusi-institusi penjara.

Sebagai satu galakan kepada banduan-banduan dan pegawai-pegawai yang memberi maklumat sehingga seseorang tertangkap dan dihukum oleh mahkamah kerana menyeludup dadah ke penjara bagi banduan mereka diberi ampun khas dan hadiah wang tunai. Bagi pegawai pula, mereka diberi hadiah wang tunai di bawah kumpulan wang hadiah pegawai-pegawai penjara serta sijil kepujian. Di antara langkah-langkah lain yang sedang diambil ialah Jabatan Penjara telahpun memesan untuk membeli sebanyak 10 buah mesin pemeriksaan air kencing, dengan izin. "Emit S.T. Drug Detection System" dari Amerika Syarikat untuk ditempatkan di penjara-penjara besar di Malaysia bagi maksud mengesan pegawai-pegawai dan kakitangan serta banduan-banduan yang terlibat

dengan dadah. Kementerian ini selanjutnya sedang merancang untuk menubuhkan jawatankuasa bertindak yang melibatkan Jabatan Polis, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam bagi mencegah penyeludupan dadah ke dalam penjara.

Kementerian ini juga sedang mengkaji kemungkinan menggunakan alat-alat yang lebih sophisticated untuk mencegah penyeludupan dadah ke dalam penjara.

Dari rekod yang ada kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah tidak pernah berlaku di penjara-penjara terbuka. Jadi soal terjejasnya pelaksanaan konsep penjara terbuka tidaklah timbul.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Timbalan Menteri, dalam perkara ini adakah pegawai-pegawai penjara melibatkan diri dengan masalah tersebut. Jika ya, berapa orang mereka adalah diberkas dan dituduh di mahkamah?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua sedia maklum, terdapat pegawai-pegawai penjara yang terlibat dalam kegiatan ini. Tetapi untuk menjawab bahagian kedua soalan daripada Yang Berhormat, saya memerlukan notis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah banduan-banduan yang menageh dadah di dalam penjara-penjara negara ini. Adakah cadangan Kerajaan untuk mengasingkan mereka dari penjara biasa?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk menjawab bahagian pertama soalan daripada Ahli Yang Berhormat tetapi bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, buat

sekarang ini tidak ada cadangan dari pihak Kerajaan untuk mengasingkan mereka.

PROSES INTEGRASI NASIONAL

14. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan beliau serta rombongan ke Sarawak berkenaan dengan proses Integrasi Nasional, dan
- (b) apakah rancangan-rancangan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk mengeratkan dan mempercepatkan lagi proses Integrasi Nasional.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawatankuasa Integrasi Kebangsaan atau nama sebenar Jawatankuasa Integrasi Negeri-negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah Majlis Keselamatan Negara telah membuat lawatan singkat ke Sarawak pada 3hb Mei, dan 4hb Mei, 1984 dengan tujuan meninjau lebih dekat usaha-usaha integrasi yang dijalankan oleh negeri Sarawak dan masalah-masalah yang dihadapinya. Di dalam lawatan tersebut Jawatankuasa Integrasi telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri serta pengarang-pengarang akhbar-akhbar tempatan.

Lawatan yang singkat itu tidak mungkin membolehkan Jawatankuasa Integrasi mengetahui semua masalah-masalah di Sarawak. Namun demikian, pertemuan dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi Sarawak telah

membolehkan jawatankuasa integrasi ini memahami perasaan dan harapan atau aspirasi negeri Sarawak di dalam konteks pembangunan negara Malaysia keseluruhannya. Perkara utama yang dibangkitkan oleh Sarawak ialah supaya usaha-usaha pembangunan di negeri itu dapat dipertingkatkan supaya seimbang dengan pembangunan di Semenanjung.

Adalah didapati bahawa pemotongan di dalam peruntukan pembangunan akibat kemelesetan ekonomi telah menjejaskan tempoh pembangunan Sarawak sepertimana juga negeri-negeri lain di dalam Malaysia. Namun demikian, Sarawak menghadapi masalah-masalah tersendiri yang harus diberi perhatian. Di antara punca-punca masalah itu ialah jarak yang jauh di antara Kerajaan Pusat dan Negeri serta keadaan rupa bumi dan kependudukan di Sarawak. Ini menimbulkan masalah-masalah perhubungan, pentadbiran dan pembangunan yang perlu difahami dan diambilkira oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat di dalam usaha membangunkan negeri Sarawak.

(b) Sehubungan dengan ini Kerajaan Pusat telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Di antara langkah-langkah itu ialah rancangan untuk mengadakan perkhidmatan feri di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, mengurangkan tambang bagi kumpulan-kumpulan bagi penerbangan-penerbangan MAS, menambahkan berita-berita dan liputan mengenai Sabah dan Sarawak di dalam rancangan-rancangan di RTM dan di akhbar-akhbar. Dari segi pembangunan dan pelajaran pula, peruntukan-peruntukan yang sewajarnya untuk Sarawak telah dan sedang diberikan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan. Oleh kerana negeri Sarawak ini mempunyai masalah tersendiri, apakah Kerajaan kita menyerahkan masalah integrasi kaum ini kepada satu badan yang khas bagi negeri Sarawak sahaja.

Yang kedua, oleh kerana sekarang ini didapati bahawa rakyat daripada Semenanjung Malaysia ini yang hendak berpindah ke Sarawak mesti mendapat permit pekerjaan atau kebenaran pekerjaan. Apakah permit pekerjaan ini dihapuskan dan dibenarkan seberapa ramai orang-orang daripada Semenanjung ini pergi bekerja ataupun berkhidmat dengan Kerajaan Sarawak ataupun di negeri Sarawak supaya perhubungan integrasi di antara seluruh rakyat Malaysia ini dapat disatukan.

Dato Chang Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dari perspektif atau aspek untuk cara praktikal saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Tetapi jikalau kita meninjau aspek dengan sebuah negara yang keseluruhannya jadi aspek itu tentulah satu badan jikalau dapat diserahkan tugasnya kepada satu badan yang mana dapat meliputi seluruh negara barangkali lebih wajar.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa satu isu yang dibangkitkan dalam lawatan Jawatankuasa itu adalah masalah pembangunan tetapi bukan pembangunan fizikal sahaja tetapi pembangunan political consciousness juga. Dan satu aduan yang selalu disuarakan di Sarawak adalah kurang laporan-laporan meliputi apa yang berlaku di Sarawak adalah dicetakkan pada suratkhbar di Semenanjung dan akibatnya adalah orang-orang di Semenanjung tidak faham masalah

yang special, yang tertentu dihadapi oleh orang Sarawak.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak lagi laporan dengan apa yang berlaku di Sarawak supaya orang-orang Semenanjung seperti Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan dapat faham perasaan yang sensitif di Sarawak.

Dato Chang Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini satu langkah juga kita dapat berikan perhatian iaitu dari segi news coverage, dari segi laporan kita telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pengarang-pengarang dan juga dengan akhbar-akhbar tempatan di Semenanjung supaya dapat disediakan lebih ruangan untuk liputan berkenaan dengan laporan-laporan dan juga news-news daripada Sabah dan Sarawak supaya Semenanjung di sini dapat tahu lebih lagi khususnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan political consciousness, ini memanglah kita sudah ambil satu langkah yang positif untuk menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 15 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

UBAT YANG DIJUAL DIPASARAN

12. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak ubat-ubatan yang dijual dipasaran di negara ini mengandungi bahan-bahan kimia yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan, jika ya, apakah

tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Saya tidak pula sedari bahawa banyak ubat-ubatan yang dijual dipasaran di negara ini mengandungi bahan-bahan kimia yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan.

Dalam langkah-langkah pengawasan yang dijalankan oleh Kementerian saya setakat ini telah menentukan hanya 7 jenis ubat-ubatan yang mengandungi bahan-bahan kimia yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan seperti "arsonic lead dan mercury". Kementerian saya telah mengumumkan kes-kes tersebut melalui kenyataan akhbar kepada orang ramai.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya bersukacita dengan kerjasama dan pertolongan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi maklumat-maklumat spesifik mengenai ubat-ubatan yang mengandungi bahan-bahan kimia yang dilaporkan boleh mengakibatkan kesan buruk terhadap kesihatan supaya tindakan sewajarnya boleh diambil oleh Kementerian saya.

Dengan pengisytiharan "Control of Drugs and Cosmetic Regulations 1984" Kementerian saya sedang melaksanakan satu sistem yang lebih ketat (rigid) terhadap Kawalan Ubat.

Skop Peraturan-peraturan baru itu selain daripada penubuhan pihakberkuasa kawalan dadah bagi maksud peraturan-peraturan ini juga termasuk pendaftaran ubat-ubatan sebelum dipasarkan perlesenan, pengilangan, pengimportan, pemborong dan pengimport bagi tujuan kajian klinikal ubat-ubatan. Tindakbalas-tindakbalas "adverse" yang timbul dari penggunaan ubat-ubatan akan dikesan.

Perlaksanaan langkah-langkah tersebut diatas akan dilakukan dalam fasa untuk mengurangkan beban pelaksanaan ke atas Kerajaan dan juga sektor swasta serta mengelakkan sebarang kerumitan terhadap orang awam.

DASAR EKONOMI BARU— IMPLIMENTASI

15. Tuan Patrick Anek Uren minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adanya fahaman salahsangka di setengah penduduk Bumiputera di Negeri Sarawak bahawa DEB adalah membawa kesan kepada segolongan yang paling kecil sahaja dan itu pun mereka telah diberi peluang kemudahan yang berlebihan; dan jika sedar, sama ada beliau akan menentukan supaya keadaan lebih seimbang akan berlaku dalam mengimplimentasikan dasar itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya memang sedar wujudnya salah faham di kalangan beberapa golongan bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di negeri-negeri lain bahawa Dasar Ekonomi Baru atau DEB hanya menguntungkan segelintir penduduk sahaja. Kerajaan telah beberapa kali menegaskan kedudukan perkara ini di masa-masa lepas dan menekankan bahawa bukanlah menjadi hasrat DEB untuk menguntungkan setengah-setengah golongan tertentu sahaja. Malahan faedah-faedah yang direka khusus untuk kaum yang mundur seperti kaum Bumiputera juga biasanya didapati mengalir dan menguntungkan kaum-kaum lain.

Bagi negeri Sarawak khususnya, kita tidak harus lupa bahawa negeri tersebut juga menghadapi beberapa batasan struktur yang tertentu dalam proses pembangunannya; dan keadaan ini juga mempunyai kesan terhadap pelaksanaan program dan strategi DEB. Antara batasan-batasan ini

ialah soal sistem perhubungan, tahap pembangunan pusat-pusat bandar, perkembangan perdagangan dan perindustrian moden serta kemampuan golongan usahawan yang ada. Kerajaan percaya bahawa menerusi kedua-dua strategi DEB, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat, semua golongan rakyat negeri Sarawak telah menikmati berbagai faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya golongan-golongan yang tidak berpuas hati dengan apa yang telah dinikmatinya sahaja yang sanggup menimbulkan salah faham di kalangan rakyat.

Seperti yang telah digariskan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal RME, Kerajaan telahpun menyemak semula beberapa dasar dan strategi pelaksanaannya serta mengemukakan beberapa arah pembangunan yang baru untuk negeri ini. Antara strategi-strategi ini termasuklah soal penyesuaian semula pelaksanaan DEB serta pendekatan-pendekatan baru bagi strategi pembangunan pertanian dan perkampungan. Ini diharap akan dapat memperbaiki lagi tahap pencapaian dan faedah-faedah pembangunan yang sedang dinikmati oleh semua rakyat, termasuk di negeri Sarawak.

BANK ISLAM—BILANGAN PENYIMPAN

16. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan yang paling akhir orang-orang yang telah membuka akaun dan menyimpan wang di Bank Islam mengikut bilangan orang Islam dan bukan Islam.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Jun 1984, bilangan orang yang telah membuka akaun dan menyimpan wang di Bank

Islam ialah 41,063 orang. Daripada jumlah tersebut, 40,639 orang atau 99% adalah terdiri daripada penyimpan-penyimpan Islam dan 424 orang atau 1% adalah terdiri daripada penyimpan-penyimpan bukan Islam.

PEMADAM—MENGHAPUSKAN PENYALAHGUNAAN DADAH

17. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh PEMADAM dalam menghapuskan penyalahgunaan dadah dan apakah usaha-usaha lain yang dibuat untuk mempercepatkan penghapusan penyalahgunaan dadah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Seramai 502 orang bekas penagih telah diberi khidmat jagaan lanjutan di Pusat Jagaan Lanjutan/Harian termasuk Kem PEMADAM Sungai Besi. Berhubung dengan khidmat ini seramai 250 orang ahli sukarelawan telah dilatih bagi mengendalikan kerja-kerja jagaan lanjutan di luar institusi. Di samping usaha-usaha memberi khidmat jagaan lanjutan, PEMADAM menerusi ahli-ahlinya telah mengumpul maklumat dan melapor mengenai kegiatan-kegiatan penagihan, pengedaran dan penjualan dadah telah menghasilkan tangkapan-tangkapan oleh pihak yang berkuasa.

Sebagai usaha membantu membenters penyalahgunaan dadah, PEMADAM:

- (i) berkerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran dalam usaha pencegahan awal di sekolah-sekolah melalui skim "Papan Kenyataan";
- (ii) menjalankan aktiviti-aktiviti penerangan di agensi-agensi kerajaan/swasta melalui kursus, ceramah, majlis dialog, pameran, tayangan gambar/slaid, penyebaran risalah dan BERITA PEMADAM.

PELAJAR SABAH DI UNIVERSITI TEMPATAN

18. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan pelajar-pelajar Malaysia dari Sabah yang telah memasuki Universiti-universiti tempatan dalam tempoh tahun 1980 hingga 1984.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bilangan pelajar-pelajar dari Sabah yang memasuki Universiti-universiti tempatan bagi tahun 1980 hingga 1983 adalah seperti berikut:

1980	48 orang
1981	105 orang
1982	131 orang
1983	184 orang

Sementara bagi tahun 1984 perangkaan-perangkaan rasmi belum diterima memandangkan pelajar-pelajar baru sahaja mendaftar di Universiti-universiti tempatan bagi sesi 1984/85.

TRAGEDI LOMBONG DISEBABKAN TANAH RUNTUH

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa nyawa masih terus terkorban dalam tragedi-tragedi lombong timah yang disebabkan oleh tanah runtuh (landslides) dan mengapa Kementeriannya tidak menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan untuk mencegah peristiwa-peristiwa seumpama itu.

'Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Persoalan seperti ini telah berulang kali dikemukakan dan saya telahpun memberi jawapan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, sukalah saya ulangi dan tegaskan sekali lagi di sini bahawa perusahaan perlombongan

merupakan sebuah perusahaan yang melibat dan mengakibatkan gangguan kepada permukaan tanah. Akibat gangguan ini, operasi sesebuah lombong adalah terdedah kepada kejadian tanah runtuh yang boleh mengakibatkan kemalangan, dari masa ke semasa. Walaupun pihak Kementerian saya ada mengeluarkan arahan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan, namun kejayaan mengujudkan suatu suasana dan persekitaran pekerjaan yang selamat memerlukan kerjasama dari semua pihak yang terlibat, iaitu agensi Kerajaan, tuan punya lombong dan juga para pekerja lombong sendiri. Dengan adanya perlaksanaan tanggungjawab masing-masing, kemalangan lombong yang diakibatkan oleh kejadian tanah runtuh akan dapat dielakkan. Suka saya tekankan di sini bahawa semua pihak mestilah memainkan peranan mereka dengan sepenuhnya dan bersungguh-sungguh untuk menghadapi dan mengatasi keadaan ini.

TAR JALANRAYA TAWAU KE MEROTAI

20. Tuan Paul Kan Yau Fah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jalanraya dari pekan Tawau ke Merotai akan dibuboh dengan tar; dan sama ada semasa menantikan pembubohan tar ke jalan tersebut adakah peruntukan dibekalkan untuk memperbaiki keadaan jalan gravel yang ada sekarang.

Dato' S. Samy Vellu: Jalanraya Tawau ke Merotai adalah satu daripada tiga jalan yang telah dipilih untuk dilaksanakan di mana sebahagian daripada kos pembinaannya di biyai oleh Bank Dunia. Pada masa ini, kajian Kejuruteraan Terperinci untuk menaikkan taraf jalanraya tersebut, termasuk di antara lainnya membuboh tar telahpun disiapkan. Kerja-kerja

menaikkan taraf jalan sepanjang 24 km ini yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$22.475 juta telah dijadualkan bermula pada awal tahun ini. Tetapi disebabkan oleh tiada peruntukan, kerja-kerja tersebut terpaksa ditangguhkan dahulu. Sementara menunggu kerja-kerja mengetar jalanraya tersebut dilaksanakan, kerja-kerja penyelenggaraan yang biasa akan terus dijalankan.

INTEGRASI NASIONAL

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Integrasi Kebangsaan menyatakan:

- (a) Penemuan-penemuan (findings) beliau selepas lawatannya baru-baru ini ke Sarawak dalam bulan Mei, tahun ini berhubung dengan perkara memupuk integrasi serantau antara Sabah/Sarawak dengan Semenanjung Malaysia;
- (b) adakah mana-mana wakil dari Sabah/Sarawak yang menduduki Jawatankuasa tersebut, dan jika tidak mengapa;
- (c) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Kementerian Integrasi Nasional yang akan semata-mata menumpukan perhatian ke arah mengintegrasikan Sabah/Sarawak ke dalam arus aliran "national lives" supaya memperbaiki rasa pengasingan (alienation) di antara Sabah/Sarawak dan Semenanjung Malaysia dalam mencapai matlamat akhir kita untuk perpaduan negara.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):

- (a) Saya telahpun menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat

berhubung dengan penemuan lawatan ke Sarawak dalam jawapan saya kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kawasan Lubok Antu tadi.

- (b) Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai keahlian Jawatankuasa Integrasi Negeri-negeri, suka saya menyatakan bahawa Jawatankuasa ini mempunyai wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan.
- (c) Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat seterusnya, buat masa sekarang, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan sebuah Kementerian Integrasi Nasional. Adalah difikirkan masalah-masalah yang berkaitan dengan integrasi boleh diatasi oleh agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada dengan diselaraskan oleh Jawatankuasa yang sedia wujud di bawah Majlis Keselamatan Negara.

KAD PENGENALAN MENGESAKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN

22. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak lagi murid-murid khasnya di luar bandar Sarawak belum lagi mempunyai Surat Kelahiran/Beranak dan Kad Pengenalan dan mereka ini tidak dibenar untuk menduduki peperiksaan mereka. Jikalau sedar, adakah Kementerian tersebut bersedia untuk menghentikan polisi ini, khasnya di kawasan yang jauh di Ulu supaya murid-murid yang tidak mempunyai Surat Beranak dan Kad Pengenalan dapat menyertai peperiksaan mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran telah menetapkan satu peraturan bahawa setiap calon yang mengambil peperiksaan yang dikendalikan olehnya mestilah mempunyai Kad Pengenalan yang dikehendaki diletakkan di atas meja calon sepanjang masa peperiksaan. Ini amat penting untuk mengelakkan sebarang penyelewengan seperti perbuatan menyamar diri.

Saya sedar masalah ramai murid di Sarawak, terutama di kawasan pendalaman yang tidak mempunyai Kad Pengenalan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, di antaranya ialah kerana tiada Surat Kelahiran/Beranak. Untuk membolehkan murid-murid ini mengambil peperiksaan tanpa menjejaskan langkah keselamatan, Kementerian saya telah mengenakan satu peraturan khas ke atas mereka yang tidak mempunyai Kad Pengenalan, iaitu melalui penggunaan Borang Perakuan Untuk Mengambil Peperiksaan untuk dijadikan asas pengenalan diri calon.

Di samping itu, Kementerian saya melalui Jabatan Pelajaran Negeri telah meminta sekolah-sekolah mengambil tindakan untuk memastikan semua murid mempunyai Kad Pengenalan sebelum mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Tentang Surat Kelahiran/Beranak pula ada dijelaskan ianya tidak dijadikan syarat untuk mengambil peperiksaan.

TAR JALAN SEMBILAN DI SEBERANG PERAI TENGAH

23. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerajaan telah berjanji akan mengetarkan Jalan Sungai Sembilan di Kampung Juru di kawasan Bukit Mertajam pada tahun 1982, tetapi sehingga sekarang, jalan

tanah yang tersebut itu masih belum ditarkan dan apakah sebab-sebab utama Kerajaan tidak dapat menunaikan janjinya dan bilakah Kementerianya akan bertindak mengetarkan jalan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ialah Jalan Sembilan—Bagan Nyior—Kuala Juru di Daerah Seberang Perai Tengah. Perkara ini telahpun ditimbangkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, pada masa ini ia tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan.

(Soalan No. 24 dijawab pada 1984).

BEKALAN BAJA KEPADA SEKTOR PERTANIAN

25. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan ekonomi negara kita yang bergantung hebat dengan sektor pertanian (Agro based economy). Apakah langkah-langkah yang positif yang telah dan sedang negara kita mengeluarkan baja yang cukup bagi kegunaan sendiri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Negara ini mempunyai bekalan baja yang mencukupi untuk keperluan sektor pertanian. Pada masa ini 15 syarikat sedang dalam pengeluaran, yang mempunyai daya pengeluaran berjumlah 2.4 juta metrik tan setahun atas dasar 3 giliran berbanding dengan permintaan untuk tahun 1984 yang dianggarkan berjumlah 1.3 juta metrik tan. Di samping itu ada beberapa projek yang akan memulakan pengeluaran pada tahun-tahun akan datan, termasuk projek Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. yang dijangka

memulakan pengeluaran pada pertengahan tahun 1985.

KUTIPAN TOL DI LEBUHRAYA

26. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa bagi setengah-setengah lebuh raya kutipan tol hanya dibuat selepas tertubuhnya Lembaga Lebuh raya Malaysia dan sama ada kutipan tol ini dibuat untuk membiayai gaji dan elaun ahli-ahli Lembaga tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Sebagaimana yang pernah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, melalui jawapan-jawapan saya ke atas soalan-soalan yang berkaitan dengan kutipan tol di Lebuh raya, tujuan pengutipan tol adalah untuk menambahkan lagi sumber kewangan Kerajaan di dalam tanggungjawabnya untuk mengemaskinikan lebuh raya-lebuh raya yang sedia ada di negara ini, membina lebuh raya-lebuh raya yang baru dan juga menyelenggara lebuh raya-lebuh raya yang telah sedia ada itu.

Semenjak tertubuhnya Lembaga Lebuh raya Malaysia pada 24-10-1980, sebilangan besar daripada tugas-tugas untuk membina lebuh raya-lebuh raya di negara ini adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Lebuh raya Malaysia. Lembaga Lebuh raya Malaysia adalah sebuah badan berkanun yang boleh mendapat sumber-sumber kewangan bukan sahaja daripada peruntukan-peruntukan Kerajaan, tetapi juga daripada sumber-sumber pinjaman luar yang lain termasuk kutipan-kutipan tol di Lebuh raya-lebuh raya. Kewangan-kewangan yang diterima ini adalah digunakan untuk mengemaskinikan Lebuh raya-lebuh raya yang sedia ada di negara ini, membina lebuh raya-lebuh raya yang

baru, menyelenggara lebuhraya-lebuhraya yang telah sedia ada itu dan termasuklah juga pembayaran gaji dan elaun kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga ini sendiri.

KEBOCORAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

27. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan apa jaminan beliau mempunyai untuk memastikan bahawa masa depan tidak ada sebarang kebocoran lanjut kertas-kertas soalan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kerana kebocoran telah memberi negara kita satu nama buruk di dalam dunia pendidikan terutama sekali sebaik-baik sahaja selepas Majlis Peperiksaan Malaysia (Malaysia Examination Council) mengambil alih daripada Cambridge Examination Syndicate.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan penuh Jawatankuasa kebocoran mata-pelajaran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia telah pun diumumkan. Walau bagaimanapun jawatankuasa ini tidak dapat memastikan punca kebocoran kertas peperiksaan STPM 1983. Laporan tersebut hanya menyatakan beberapa kemungkinan yang menyebabkan kebocoran. Jawatankuasa ini juga memperakukan langkah-langkah untuk mencegah kebocoran supaya tidak berlaku lagi. Di antara perakuan-perakuan itu ialah mengetatkan lagi kawalan keselamatan urusetia Majlis Peperiksaan Malaysia, menyusun semula urusetia Majlis dengan mewujudkan unit keselamatan, unit penyelidikan dan pembinaan, unit perhubungan awam, memansuhkan sistem panel penilaian kertas soalan sebelum peperiksaan dan memberi kuasa otonomi yang lebih kepada Majlis Peperiksaan Malaysia.

KERETA MEREMPUH PAGAR SEKATAN KASTAM JOHOR BAHRU

28. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil penyiasatan yang telah didapati mengenai peristiwa kereta-kereta besar yang merempuh pagar sekatan Kastam Johor Bahru, baru-baru ini yang mengikut berita, membawa pemimpin Barisan Nasional dan dari parti manakah mereka; dan apakah peristiwa ini akan dapat dihentikan di masa-masa akan datang.

Dato Sabbaruddin Chik: Jawapan kepada soalan ini telahpun saya beri semasa saya menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Lim Kit Siang atas perkara yang sama pada 18hb Julai, 1984 dahulu.

BAHASA INGGERIS TARAF PENGUASAAN

29. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi meninggikan taraf penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan penuntut-penuntut di berbagai peringkat pengajian dan persekolahan di negara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Taraf penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa apa sekali pun bergantung kepada beberapa faktor; di antaranya yang penting sekali ialah minat murid itu sendiri untuk mempelajari dan menggunakannya waktu diberi peluang untuk berbuat demikian. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk meninggikan taraf penguasaan Bahasa Inggeris murid-murid ialah seperti berikut:

Dari segi strategi pengajaran dan pembelajaran Kementerian

Pelajaran telah mengalihkan tumpuan pengajarannya dengan menekankan aspek penggunaan bahasa lebih daripada aspek pengetahuan bahasa. Aspek pengetahuan bahasa hanya diberikan untuk mengukuhkan penguasaan amali. Dari segi bahan, Kementerian Pelajaran telah memberikan pelbagai panduan kepada para guru dan penulis-penulis buku teks untuk menghasilkan bahan yang lebih sesuai dengan strategi yang tersebut. Dari segi guru, Kementerian Pelajaran telah berusaha memberikan latihan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga ada mengambil guru-guru Bahasa Inggeris dari luar negeri yang berpengalaman, yang daripada mereka guru-guru kita sendiri dapat bertukar-tukar pengalaman mengenai teknik-teknik pengajaran.

TEKNOLOGI BARU KEPADA PETANI

30. Tuan Othman bin Abdul meminta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kejayaan-kejayaan atau penemuan teknologi baru oleh institusi-institusi penyelidikan pertanian seperti MARDI telah tidak disalurkan dengan sempurna kepada petani-petani di peringkat kampung. Apakah langkah-langkah lanjut Kerajaan bagi menyampaikan hasil penyelidikan itu agar petani-petani dapat melaksanakannya supaya cita-cita Dasar Pertanian Negara dapat dicapai.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kerajaan adalah sedar bahawa penyaluran kejayaan-kejayaan atau penemuan teknologi baru kepada para petani di peringkat kampung tidak begitu sempurna. Hasil-hasil kajian adalah disalurkan

sekarang melalui berbagai cara seperti petak-petak demonstrasi, latihan-latihan, risalah-risalah dan juga khidmat nasihat oleh agensi-agensi pengembangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa berusaha memperbaiki cara-cara penyaluran ini. Satu cara yang telah dilaksanakan ialah dengan menubuhkan sistem 2i iaitu latihan dan lawatan yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian untuk memastikan bahawa setiap petani senantiasa berdamping dengan ketua-ketua kumpulan tani dan ejen-ejen pengembangan untuk menjamin bahawa segala teknologi yang dihasilkan daripada institusi-institusi penyelidikan dapat disalurkan kepada petani-petani dengan efektifnya.

(Soalan No. 31 dijawab 19-7-84).

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

32. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah Pelan Induk Kuala Lumpur akan diwartakan, tarikh pelaksanaannya dan sila senaraikan bantahan-bantahan yang diterima terhadap Pelan Induk tersebut yang telah diterima oleh Jemaah Menteri dan kini merupakan sebahagian daripada pelan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abu Samad): Pelan Induk atau dikenali juga sebagai Pelan Struktur Kuala Lumpur dijangka akan dapat diwartakan pada bulan Ogos, 1984. Apabila sahaja Pelan tersebut diwartakan, maka pelaksanaannya akan berkuatkuasa serentak.

Mengenai dengan Bantahan dan Pandangan Awam, sayugia dinyatakan di sini bahawa Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur ini telah dipamerkan kepada orang awam pada 1hb September 1982 hingga 7hb Oktober, 1982. Sepanjang tempoh tersebut

sejumlah 178 bantahan dan pandangan bertulis telah diterima. Dari jumlah tersebut 107 daripadanya diterima daripada orang perseorangan, 7 dari badan profesional, 6 dari organisasi politik, 5 dari badan ugama, 6 dari Jabatan/Kementerian Kerajaan, dan selebihnya sebanyak 47 diterima dari lain-lain organisasi/pertubuhan. Walau bagaimanapun adalah tidak wajar di sini untuk menyenaraikan bantahan-bantahan yang diterima tersebut kerana ianya merupakan "dokumen terhad" dan bukan sebahagian dari kandungan Pelan Struktur Kuala Lumpur seperti yang dimaksudkan.

KESIHATAN PEKERJA KILANG SIMEN

33. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang diambil oleh Kementeriannya untuk menjaga dan melindungi kesihatan pekerja-pekerja kilang simen di seluruh negara kerana terdapat banyak aduan bahawa pekerja-pekerja kilang simen menghadapi kesukaran untuk bernafas dan mengidap berbagai penyakit.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Menurut Akta Kilang dan Jentera, 1967 yang sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan menyediakan keadaan dan tempat kerja yang sihat dan selamat bagi pekerja-pekerja. Akta tersebut juga menetapkan darjah atau taraf kesihatan dan keselamatan minima yang mana menjadi tanggungjawab mutlak pemilik kilang. Pegawai-pegawai dari Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa mengadakan lawatan-lawatan biasa, tambahan dan mengejut bagi memastikan peraturan-peraturan tersebut dipatuhi.

Di samping itu, Seksyen 32 Akta Kilang dan Jentera adalah memerlukan mana-mana pegawai perubatan yang berdaftar dengan Persatuan Perubatan Malaysia, supaya membuat notis kepada Ketua Pengarah Jabatan Kilang dan Jentera dengan memberi salinan kepada pemilik kilang sekiranya pegawai perubatan itu mendapati atau dipanggil untuk memeriksa pesakit yang dipercayai mengidap mana-mana penyakit yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga Akta tersebut.

Selain dari itu, kesemua kilang simen yang terdapat di negara kita telah dinasihatkan dan mereka telahpun menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa keselamatan yang terdiri dari wakil pekerja dan pengurusan, di mana dallog mengenai perkara-perkara keselamatan dan kesihatan akan dibincangkan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pihak pengurusan telah menyediakan alat-alat perlindungan yang perlu dan menentukan ianya digunakan dengan betul. Kementerian saya juga belum pernah menerima sebarang aduan baikpun dari pegawai perubatan atau pihak pekerja berkenaan sebarang penyakit industri atau keadaan kerja yang tidak sihat di mana-mana kilang simen. Oleh itu, jika Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi atau sesiapa sahaja ada maklumat mengenai keadaan sedemikian, silalah maklumkan Kementerian saya supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

34. Tuan Haji Mohamed Amin bin Daud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil

oleh Kerajaan untuk menentukan penduduk-penduduk luar bandar tidak terus menderita dengan kenaikan harga barang-barang keperluan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya sedar bahawa harga kebanyakan barang-barang keperluan naik dari masa ke semasa yang mana kesannya adalah dirasai oleh penduduk-penduduk berpendapatan rendah tidak kira dari kawasan bandar atau luar bandar. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, ianya tidak dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan dan pengawasan. Kementerian saya telah

dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu dan memastikan harganya sentiasa berada di paras yang munasabah dan berpatutan. Bagi barang-barang keperluan asas, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menetapkan harganya di mana setiap kenaikan harga yang diminta oleh syarikat-syarikat pengeluar hendaklah mendapat kelulusan dari Kementerian saya terlebih dahulu. Dengan adanya langkah ini, harga barang-barang ini telah dapat distabilkan sejak beberapa tahun yang lalu. Sebagai contoh, harga runcit di semenanjung bagi barang-barang berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Nama Barang</i>	<i>Harga Pada 1-1-1982</i>	<i>Harga Sekarang</i>	<i>Perbezaan %</i>
Gula Pasir	\$ 1.55 sekilo	\$ 1.30 sekilo	-16.12
Tepung Gandum	80 sen Sekilo	80 sen sekilo	--
Susu Pekat	\$ 1.20 setin	\$ 1.20 setin	—
Petrol Premium	\$ 1.08 seliter	\$ 1.06 seliter	- 1.85
Petrol Regular	\$ 1.02 seliter	\$ 1.00 seliter	- 1.96
Minyak Diesel	\$ 46.2 sen seliter	\$ 57.5 sen seliter	+24.45
Minyak Tanah	\$ 46.2 sen seliter	\$ 61.9 sen seliter	+33.98
Gas Pemasak	\$ 1.49 seliter	\$ 1.33 sekilo	-10.73

Dari angka-angka harga perbandingan yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa harga barang-barang keperluan asas ini sekarang adalah lebih rendah atau sama jika dibandingkan dengan harga pada 1-1-1982, kecuali harga Minyak Diesel dan Minyak Tanah. Kenaikan harga kedua-dua bahan ini adalah disebabkan oleh penarikan subsidi pada 1-1-1984.

Bagi barang-barang keperluan lain pula, Kerajaan tidak menetapkan harganya yang mana ianya banyak dipengaruhi oleh kedudukan bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim dan juga kos

pengimportan. Bagaimanapun, barang-barang ini perlu diletakkan tandaharga seperti yang diwajibkan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual runcit) 1977. Buat masa ini 111 jenis barang perlu diletakkan tandaharganya. Kementerian saya sentiasa menjalankan pengawasan dan siasatan bagi memastikan supaya harga barang-barang yang ditetapkan, dan Perintah Penandaan Harga dipatuhi dan sebarang keenggaran akan diambil tindakan tegas. Dengan adanya tindakan terus menerus dan berkekalan ini, harga barang-barang keperluan telah dapat distabilkan. Sukalah saya menyarankan di Dewan

yang mulia ini, bahawa Kementerian saya akan terus berusaha untuk membendung sebarang kenaikan harga yang tidak berpatutan. Di samping itu, pengguna-pengguna sendiri haruslah bertindak bijak untuk berjimat dengan hanya membeli barang-barang setakat keperluan sahaja tanpa pembaziran. Cara ini adalah sebaik-baik jalan untuk mengurangkan kesan inflasi dan kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang.

YANG DI-PERTUAN AGONG— KECAMAN AKHBAR LONDON

35. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan tegas yang telah dan akan diambil terhadap Akhbar-akhbar dan Kerajaan British yang mencaci dan mencemarkan peribadi atas sifatnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merupakan satu-satu maruah negara yang perlu dipertahankan. Apakah kita berpuashati dengan sikap Kerajaan British yang hanya menyatakan rasa kesal yang sedikit pun tidak berkesan terhadap perbuatan "kurang ajar" akhbar-akhbar tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Saya mohon izin untuk menjawab soalan bersama dengan soalan lain yang hampir serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok pada hari ini juga.

Mengenai laporan akhbar Sunday Times London yang telah mencemarkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara kita itu, Pesuruhjaya Tinggi kita di London telah pun menyampaikan bantahannya kepada pihak akhbar tersebut. Di dalam surat bantahan tersebut, selain dari menyatakan rasa kesal kita terhadap

laporan itu, telah pun dinyatakan juga bahawa laporan itu sekali-kali tidak membantu usaha Kerajaan kedua-dua negara untuk memperbaiki lagi hubungan di antara Malaysia dan Britain.

Kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan British juga telah pun disampaikan rasa kesal kita mengenai laporan ini. Pihak Kerajaan tersebut telah pun menyatakan rasa kesalnya kepada pihak kita dan telah pun berjanji akan berusaha supaya laporan-laporan yang tepat mengenai Malaysia akan disiarkan oleh akhbar British di masa akan datang. Reaksi pihak Kerajaan British itu kita terima dengan menyedari hakikat kebebasan akhbar di Britain, yang ternyata sering mengutuk Kerajaan British sendiri.

BAYARAN LETAK KERETA

36. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa dan bila meter-meter letak kereta telah diperkenalkan semula di Wilayah Persekutuan, adalah dipercayai bahawa meter-meter ini adalah cara bayaran yang lebih baik dan jika ya, mengapakah demikian? Adakah beliau pernah mempertimbangkan cara-cara yang lain dan jika ya, apakah cara-cara ini.

Dato Shahrir bin Abdul Samad:

(a) Kementerian Wilayah Persekutuan telah melaksanakan bayaran letak kereta dengan menggunakan meter telah mula dijalankan pada 2hb Februari 1984. Sebelum ini Kementerian Wilayah Persekutuan melaksanakan melalui sistem pungutan bayaran letak kereta menggunakan tiket. Sistem tiket ini telah dikenalpasti betapa terdapat beberapa kelemahannya. Kelemahan seperti silap menulis butir-butir yang perlu pada tiket seperti

nombor kereta, nombor cukai jalan, tarikh dan tulisan tidak terang pada salinan kedua tiket serta lain-lain kesilapan menyebabkan kesilapan selanjutnya di dalam menghantar Tawaran Kompaun.

- (b) Berbagai-bagai masalah berkaitan dengan kakitangan kerana sistem pungutan dengan menggunakan tiket adalah berupa intensif buruh.
- (c) Beban kerja yang banyak kerana lebih kurang 8% atau 120,000 keping tiket tidak dijelaskan dalam sebulan
- (d) Alamat pemilik kenderaan yang tidak tepat atau tidak lengkap menyebabkan banyak tawaran-tawaran kompaun tidak dapat disampaikan kepada pemiliknya.

Masalah-masalah di atas sedikit sebanyak dapat dikurangkan dan diatasi apabila penggunaan meter sebagai alat memungut bayaran letak kereta dilaksanakan. Sistem meter ini lebih baik kerana:

- (a) Dapat menghadkan maksima kereta-kereta patut diletakkan di dalam petak letak kereta iaitu tiga jam. Bayarannya dikira mengikut minit iaitu 7½ minit 10 sen, 15 minit 20 sen dan 37½ minit ialah 50 sen.
- (b) Bebanan kerja dapat dikurangkan kerana sistem letak kereta bermeter ini diswastakan (Syarikat Satupadu Sdn. Bhd.).

Cara-cara lain juga pernah dipertimbangkan dan dikaji iaitu Sistem Kupon yang dijalankan di Singapura.

kebelakangan ini, banyak kedengaran aduan mengenai pelaksanaan dua taraf penilaian tanah oleh Kerajaan Persekutuan, di mana Kerajaan didakwa mengenakan penilaian yang rendah bagi bayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah apabila Kerajaan memiliki semula tanah mereka dan penilaian yang tinggi bagi pemungutan hasil duti setem. Apakah formula sebenar yang digunakan bagi kedua-dua jenis penilaian di atas dan bagaimanakah penilaian yang adil dipastikan; adakah terdapat sebarang Lembaga Penilaian dan Lembaga Rayuan yang sempurna untuk mempertimbangkan kes-kes penilaian yang tidak adil dan adakah benar bahawa bukan semua kes duti setem dirujuk kepada Bahagian Penilaian Kementerian Kewangan dan jika ya, apakah kes-kes ini.

Tuan Daim Zainuddin: Kerajaan tidak menggunakan kaedah penilaian yang berasingan bagi penilaian tanah untuk tujuan pengambilan balik tanah dan duti setem. Kaedah penilaian yang digunakan untuk mendapatkan nilai pasaran tanah bagi kedua-dua maksud tersebut adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi. Mereka yang tidak bersetuju dengan penilaian tersebut boleh merujukkan rayuan mereka kepada Mahkamah Tinggi. Tidak semua penilaian duti setem dan pengambilan balik tanah dirujuk di Bahagian Penilaian, Kementerian Kewangan. Pemungut Hasil Tanah (di dalam kes pengambilan balik tanah) dan Timbalan Pemungut Duti Setem mempunyai budibicara sama ada mereka patut merujuk kes-kes cukai setem untuk dinilai oleh Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

SISA RADIOAKTIF DI PAPAN

PENILAIAN TANAH

37. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa

38. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama

ada Kerajaan akan menempatkan semula projek pembuangan sisa-sisa radioaktif di Papan, Perak memandangkan terdapat bantahan daripada penduduk-penduduk Papan dan kebajikan generasi-generasi akan datang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tapak yang dipilih untuk menyimpan sisa radioaktif thorium hidoksida di kawasan Papan, Perak itu didapati sesuai. Ketentuan yang ditetapkan dalam kerja-kerja berhubung dengan penyimpanan sisa ini adalah mencukupi bagi menjamin keselamatan orang awam dan kebersihan alam sekitar.

PASPORT MALAYSIA— PEMBETULAN BUTIR

39. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa walaupun taraf kewarganegaraan seseorang pemohon pasport telah terbukti sebagai "bona fide", pihak Imigresen ghairah memaksa si pemohon-pemohon yang berkenaan mendapatkan pembedulan butir-butir peribadi dalam dokumen-dokumen tertentu daripada Jabatan Pendaftaran Negara sebelum mengeluarkan pasport baginya; dan
- (b) memandangkan prosedur pembedulan butir-butir peribadi memakan masa yang agak panjang, bolehkah beliau mengarahkan permohonan-permohonan sedemikian diluluskan berasaskan taraf kewarganegaraan "bona fide".

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Sebenarnya pihak Imigresen tidak ghairah memaksa pemohon-pemohon pasport Malaysia untuk

membuat pembedulan butir-butir peribadi dalam dokumen-dokumen tertentu seperti kad pengenalan, surat beranak dan sebagainya sebelum mengeluarkan sebarang dokumen perjalanan. Sebaliknya prosedur ini ialah satu keperluan bagi memastikan bahawa rakyat Malaysia sahaja yang diberikan Pasport Malaysia. Pengesahan taraf seorang warganegara itu bukan sahaja berdasarkan kepada kad pengenalan, tetapi juga dengan berpandukan kepada sijil kerakyatan, surat beranak dan dokumen-dokumen penting lain.

Proses pembedulan butir-butir peribadi di dalam sijil-sijil berkenaan sebenarnya tidak mengambil masa yang panjang jika sekiranya pemohon memberi maklumat serta bukti-bukti yang lengkap bagi menyokong permohonan. Bagi kes-kes yang mustahak dan mempunyai maklumat lengkap dan pemohon datang sendiri, pembedulan biasanya disiapkan pada hari yang sama.

IJAZAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI INDONESIA— PENGIKTIRAFAN

40. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan Nilai taraf di Malaysia bagi pemegang-pemegang Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Indonesia, dari:

- (a) Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) Pemerintah—
- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Hisab dan Sains;
- (ii) Pemegang Ijazah Sarjana pemerintah.
- (b) Institut Agama Islam Negeri (IAIN)—
- (i) Ijazah Sarjana Muda;

- (ii) Ijazah Sarjana (Doktorandus) di dalam Jurusan Tarbiyah.
- (c) Doktorandus dari Institut Pertanian Bogor; dan
- (d) Ijazah kedoktoran (M.D.) dari Universiti Sumatra Utara, Medan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kelayakan-kelayakan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun diiktiraf dan diberi nilaitaraf yang sewajarnya oleh Kerajaan. Maklumat-maklumat lanjut mengenainya dan juga bagi lain-lain kelayakan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Indonesia boleh diperolehi dari Urusetia Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

SENJATA NUKLEAR

41. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar ada sebahagian kecil negara-negara yang mampu mengeluarkan senjata nuklear telah enggan menandatangani perjanjian saling tidak menyalahgunakan senjata Nuklear yang dipersetujui pada tahun 1968 yang lalu; jika benar:

- (a) nyatakan nama-nama negara yang tersebut dan apakah motif yang menyebabkan mereka enggan menandatangani perjanjian itu;
- (b) memandangkan senjata Nuklear ini suatu senjata yang paling merbahaya di abad yang kedua puluh ini kerana ianya boleh memusnahkan tamaddun dunia dan menggugat kesejahteraan umah, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mempengaruhi negara-negara tersebut untuk menimbang

semula keputusan mereka itu; dan

- (c) sejauh mana peranan Malaysia untuk menjamin supaya perjanjian itu dipatuhi oleh semua negara, demi untuk perdamaian dunia dan kesejahteraan umat manusia sejagat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Perjanjian yang melarang membiaknya senjata-senjata nuklear atau yang dipanggil "Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT)" telah ditandatangani pada 1hb Julai 1968 dan telah mula berkuatkuasa pada 5hb Mac 1970. Malaysia adalah di antara 120 negara-negara yang telah menandatangani Perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan negara yang masih enggan menandatangani Perjanjian NPT itu.

- (a) Antara negara-negara yang ada potensi untuk mengeluarkan senjata-senjata nuklear tetapi tidak mahu menjadi pihak kepada Perjanjian NPT ialah Israel, Afrika Selatan, Pakistan dan India, manakala China dan Perancis pula adalah negara-negara yang mengeluarkan senjata-senjata nuklear yang tidak mahu menandatangani perjanjian tersebut. Negara-negara ini telah tidak menandatangani Perjanjian NPT atas sebab-sebab sendiri, tetapi adalah dipercayai bahawa motif yang utama ialah kerana mereka ingin mempertahankan opsyen mereka sekiranya perlu mengeluarkan senjata nuklear satu hari kelak atas desakan pertahanan atau untuk memajukan kepentingan negara. Dalam hal ini, Israel dan Afrika Selatan dipercayai telah pun mula mengeluarkan senjata-senjata nuklear mereka sendiri.

(b) Malaysia menganggap Perjanjian NPT sebagai satu perjanjian yang berguna dan yang boleh menahan dari membiarkannya senjata-senjata nuklear. Oleh yang demikian, kita telah mengambil kesempatan semasa ucapan kita di Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Mesyuarat-mesyuarat agensi antarabangsa seperti IAEA, Sessi-sesi Khas PBB mengenai perlucutan senjata, Persidangan Negara-negara Berkecuali dan semasa Persidangan untuk mengkaji semula Perjanjian NPT, untuk menggesa negara-negara yang belum lagi menandatangani Perjanjian NPT untuk berbuat demikian. Ini adalah perlu bagi memberi kesan kepada usah-usaha antarabangsa untuk menahan pembiakan senjata-senjata nuklear.

(c) Begitu juga, Malaysia telah memainkan peranan yang sewajarnya untuk menggesa di Mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang dinyatakan dalam jawapan (b) supaya peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian NPT dipatuhi dengan rapi oleh semua negara demi untuk menjamin keselamatan dunia dari tercetusnya peperangan nuklear. Di Perhimpunan Agong PBB pula, Malaysia telah menyokong resolusi-resolusi yang melarang pengeluaran senjata-senjata nuklear dan pematohan kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian NPT.

KAMPUNG TERSUSUN— KONSEP

42. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan bilakah

Kerajaan akan melaksanakan konsep kampung tersusun yang telah diumumkan baru-baru ini. Apakah agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dan adakah Kerajaan telah membuat kajian-kajian yang tertentu mengenai program ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kerajaan tidak melaksanakan kampung tersusun. Apa yang barangkali dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah strategi dan halacara baharu yang sedang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, untuk membangun kampung dan kawasan luar bandar.

Dalam strategi tersebut, Kerajaan menggalakkan pertumbuhan "superfarm" ataupun estet-estet melalui penggabungan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil di kawasan luar bandar supaya dapat diuruskan secara moden dan teratur. Apabila kaedah pengurusan moden dapat diperkenalkan, daya pengeluaran akan dipertingkatkan melalui pengenalan teknologi dan ekonomi perbidangan (economies of scale). Dengan peningkatan daya pengeluaran dan mutu serta harga yang berkurangan, kita bolehlah menjangkakan bahawa pendapatan juga akan meningkat. Pertambahan pendapatan juga akan menghasilkan permintaan (demands) kepada barangan pengguna yang lebih. Oleh itu peningkatan pendapatan akan dapat menyokong kegiatan ekonomi yang lain, seperti pusat pembaikan motor, traktor dan sebagainya. Apabila kebun kecil dapat dijadikan estet atau "superfarm", pengurus yang digajikan tidak akan menggunakan buruh tani yang berlebihan. Oleh itu, pekerja-pekerja yang tidak lagi diperlukan di sawah dan kebun patutlah mendapat kesempatan untuk bekerja di kilang kecil, pusat kraftangan, industri kampung

atau membuat lain-lain kegiatan ekonomi yang berfaedah.

Untuk memudahkan penyusunan sawah dan kebun menjadi estet dan juga bagi mengatur kegiatan ekonomi sampingan yang kelak diperlukan, kampung-kampung dan rumah-rumah yang ada sekarang patutlah disusun semula secara teratur di kawasan yang bersesuaian. Dengan adanya penyusunan semula kampung-kampung sama ada di sekitar pekan kecil yang sedia ada mahupun di kawasan baharu, bermaknalah bahawa pusat pertumbuhan baharu dapat diwujudkan. Pusat-pusat penempatan yang demikian bukan sahaja akan memudahkan penyediaan dan pembekalan kemudahan-kemudahan sosial dan fizikal seperti sekolah, klinik, pejabat pos, jalanraya, elektrik, air dan sebagainya, tetapi juga akan menggalakkan pertumbuhan perniagaan kecil dan besar seperti kedai-kedai bengkel dan sebagainya.

Kaedah dan pendekatan yang baru ini sekaligus akan dapat meningkatkan daya pengeluaran ladang, pendapatan petani dan penduduk, taraf keselesaan dan kesejahteraan hidup; dan secara amnya memodenkan sektor luar bandar tanpa melibatkan pembukaan tanah baru dan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan. Lagipun, Kerajaan tidak akan dapat sentiasa menggunakan strategi pembangunan tanah (yang semestinya terhad) untuk mengurangkan kemiskinan.

Pada masa ini pihak Kerajaan-kerajaan Negeri sedang merancang dan ada yang sudah melaksanakan satu atau dua projek perintis menggunakan halacara baharu ini. Agensi-agensy yang terlibat adalah berbagai, mengikut keperluan Negeri masing-masing. Projek-projek tersebut diselaraskan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri. Y.A.B Perdana Menteri sendiri mengikuti kemajuan pelaksanaan projek-projek

melalui laporan dan pengesanan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

RAKYAT INDONESIA BEKERJA DI MALAYSIA

43. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak 1981 hingga sekarang, berapa jumlah rakyat Indonesia yang bekerja di Malaysia dengan memberikan angka-angka berasingan bagi setiap tahun.

Dato' Musa Hitam: Jumlah rakyat Indonesia yang diberi Pas Kerja dari 1981 hingga sekarang adalah seperti bertikut:

Tahun 1981	182 orang atau 2.24% dari jumlah 8,142 pemegang Pas Kerja
Tahun 1982	456 orang atau 3.13% dari jumlah 14,555 pemegang Pas Kerja
Tahun 1983	506 orang atau 2.61% dari jumlah 19,391 pemegang Pas Kerja
Tahun 1984 (Jun)	520 orang atau 2.42% dari jumlah 21,448 pemegang Pas Kerja

YANG DI-PERTUAN AGONG— KECAMAN AKHBAR LONDON

44. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan British terhadap akhbar yang telah mencemarkan nama baik Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Berhubung dengan laporan "Sunday Times London" yang telah mencemarkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara kita tidak berapa lama dulu, sebagaimana maklum Kerajaan kita melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London telah pun menyampaikan bantahan kita mengenai perkara ini. Sebagai reaksi

terhadap tindakan kita itu, Kerajaan British telah pun melahirkan rasa kesalnya kepada kita kerana tersiarnya laporan itu. Kerajaan itu juga telah berjanji akan berusaha supaya laporan-laporan yang tepat mengenai Malaysia akan disiarkan oleh akhbar-akbar di negara itu di masa akan datang.

Di sini kita berhadapan dengan satu hakikat dan nilai di negara tersebut di mana akhbar-akhbar adalah bebas dan tidak dapat dikawal oleh Kerajaan negara itu.

Reaksi Kerajaan British, seperti yang disebutkan tadi, haruslah dilihat dalam konteks kebebasan akhbar di negara itu.

PARTI KOMUNIS MALAYA— BANTUAN ASING

45. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Parti Komunis Malaya yang bergerak di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand menerima bantuan dari sumber-sumber asing, misalnya dari negara-negara ataupun pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Dato Musa Hitam: Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini setakat ini tidak diketahui mana-mana negara atau pertubuhan antarabangsa yang telah memberi bantuan kepada perjuangan Parti Komunis Malaya yang bergerak di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand. Walau bagaimanapun, setakat yang diketahui Parti Komunis China sahaja yang masih memberi sokongan moral kepada perjuangan Parti Komunis Malaya atas dasar parti ke parti.

PERHIMPUNAN EGM MCA

46. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Datuk Haji Zaman Khan merasakan perlu untuk

menghentikan perhimpunan EGM MCA baru-baru ini di Hotel Hilton, Kuala Lumpur tetapi tidak bertindak sedemikian bila beliau sedar yang kekacauan akan timbul di kalangan penduduk-penduduk dan pihak pemaju di Estate Thean Teik pada 29hb Oktober, 1982.

Dato' Musa Hitam: Tindakan Ketua Polis Kuala Lumpur menghentikan perhimpunan MCA di Kuala Lumpur itu adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekacauan di antara dua belah pihak dalam parti yang berkemungkinan mengancam atau mengganggu ketenteraman awam.

Dakwaan bahawa Polis tidak bertindak demikian di Thean Teik Estate di antara penduduk estate tersebut dengan pihak pemaju adalah tidak benar.

KEMATIAN PUAN TAN SIEW KEE

47. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menahan keputusan-keputusan dari Pegawai Penyelidik kematian Puan Tan Siew Kee dengan membayar segera gantirugi kepada keluarga si mati.

Dato' Musa Hitam: Peguam Negara belum lagi menerima keputusan, dengan izin, "finding" daripada Pegawai Penyelidik (Koroner) mengenai kes tersebut. Langkah-langkah hanya boleh diambil selepas menerima arahan-arahan dari Peguam Negara.

PERJANJIAN PENGAMBILAN BURUH DARI INDONESIA

48. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) apakah tujuan utama Kerajaan kita bagi menandatangani

perjanjian dengan Kerajaan Indonesia berkenaan dengan pengambilan buruh dari Indonesia;

- (b) adakah pihak Kerajaan mengambil kira serta mempertimbangkan segala aspek terutama aspek ekonomi, sosial dan politik sebelum membuat keputusan untuk menandatangani perjanjian tersebut; dan
- (c) sedarkah pihak Kerajaan, bahawa dengan mengadakan perjanjian seperti ini, ia akan menjejaskan tenaga buruh tempatan di sektor perladangan dan di sektor swasta dalam jangka masa panjang, jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawasi keadaan ini.

Dato' Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun diberi pada 16 Julai 1984 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

AKTA KERJA DIPERLUASKAN KE SARAWAK/SABAH

49. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Buruh menyatakan bilakah Ordinan Pekerja 1955 akan diperluaskan ke Negeri Sarawak dan Sabah dan mengapakah terdapat kelewatan yang begitu panjang untuk memperluaskan Ordinan tersebut ke dua-dua negeri tersebut.

Dato' Mak Hon Kam: Perbincangan terakhir dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sedang dijalankan dan dijangka Akta Kerja 1955, akan diperluaskan ke negeri-negeri berkenaan sebaik sahaja persetujuan dicapai. Kelewatan

memperluaskan Akta tersebut adalah atas beberapa sebab teknikal.

PEGUAM NEGARA SEBAGAI AHLI JEMAAH PENGAMPUNAN

50. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah cadangan beliau untuk memindahkan Peguam Negara sebagai seorang ahli Lembaga Pengampunan dengan sebab penglibatan beliau sebagai ahli dalam badan itu tiada mencerminkan konsep keadilan itu dilaksanakan tetapi juga sekurang-kurangnya nyata dilaksanakan dengan ketiadaan beliau sebagai hakim dalam hal bicara beliau sendiri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Semasa jawapan diberi semalam kepada ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan tentang peruntukan Perlembagaan Persekutuan, dan juga tentang pendirian Kerajaan, mengenai kedudukan Peguam Negara sebagai seorang ahli Jemaah Pengampunan. Maka saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana dalam Rang Undang-undang tersebut Akta

itu dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 merupakan Undang-undang yang utama bagi mengawal pengimportan, pengeksporan, penghasilan, penjualan dan penggunaan dadah. Oleh kerana masalah dadah yang serius di negara kita ini maka Kerajaan telah mengisytiharkan perang habis-habisan untuk menghadapi ancamannya. Sesiapa yang terlibat pasti didakwa dan tidak harus terlepas dari cengkaman undang-undang. Oleh itu Akta ini dipinda dan diperbaharui dari masa ke semasa untuk menghadapi masalah dadah yang sering berubah-ubah. Pindaan yang terakhir dibuat ialah dalam bulan April 1983.

Kerajaan kini telah juga mengisytiharkan masalah dadah sebagai masalah keselamatan yang boleh mengancam keutuhan dan kestabilan negara. Usaha-usaha untuk membanteras dan membasminya perlu diambil dengan segera dan bersungguh-sungguh untuk mencegahnya dari semakin merebak. Justeru itu usaha memerangnya dalam semua bidang khususnya bidang undang-undang perlu dilaksanakan secara terus menerus dan tanpa bertolak ansur. Juga adalah amat penting dipastikan pengedar dadah tidak mengambil kesempatan untuk melepaskan diri dari cengkaman undang-undang kerana ketemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang terdapat. Hanya dengan cara ini baharulah dapat kita melemahkan penjenayah-penjenayah dadah dari mencari keuntungan melalui kesengsaraan orang lain dengan mengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, takrif "opium poppy" dan candu mentah yang terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 kini pernah menimbulkan masalah yang

menguntungkan pihak pengedar dadah merbahaya. Umpamanya, dalam satu kes di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis baharu-baharu ini seorang yang dituduh kerana mengedar candu mentah seberat 8,628 gram telah pun dibebaskan oleh mahkamah kerana pihak pendakwa tidak dapat membuktikan bahawa candu mentah yang telah dijumpai dalam milik si tuduh itu berasal dari pokok spesie Papavar Somniferum seperti yang dikehendaki oleh takrif candu mentah mengikut seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 sekarang. Candu boleh juga diperolehi dari pokok poppy jenis Papavar Centigram DC. Oleh itu adalah dicadangkan bahawa takrif opium poppy dipinda untuk meliputi semua jenis pokok poppy yang boleh mengeluarkan bahan yang mengandungi morphine dan takrif candu mentah sebagai getah daripada buah poppy yang mengandungi morphine.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang kedua adalah berkaitan dengan monoasetilmorfin. Monoasetilmorfin adalah merupakan satu bahan yang didapati di dalam proses untuk menukar bentuk morfin kepada heroin. Mengikut Jabatan Kimia, monoasetilmorfin adalah lebih kurang dua kali ganda lebih kuat daripada morfin. Jabatan Kimia dalam menganalisa heroin yang dirampas oleh agensi-agensi penguatkuasa dari pengedar dadah pada masa-masa yang lalu menjumpai monoasetilmorfin di dalam heroin yang berkenaan. Umpamanya dalam satu rampasan dadah jenis heroin yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa, Jabatan Kimia dalam menganalisa heroin yang dirampas itu mendapati bahawa dari seberat 51.76 gram heroin yang dianalisa itu, seberat 26.98 gram adalah monoasetilmorfin.

Sungguhpun monoasetilmorfin adalah merupakan suatu dadah yang

kuat, seseorang yang dijumpai memiliki 15 gram dadah itu tidak dianggap sebagai seorang pengedar. Ia tidak boleh dikenakan hukuman mati seperti pemilik heroin. Ini adalah kerana ianya tidak disebut dengan secara nyata di dalam Seksyen 37 (da), 39A dan 39B. Seksyen 37 (da) membuat anggapan bahawa seseorang yang memiliki 15 gram atau lebih heroin dan seterusnya dianggap sebagai seorang pengedar dadah. Seksyen 39A pula memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau penjara di antara 5 tahun sehingga seumur hidup serta rotan tidak kurang dari 6 kali. Seksyen 39B memperuntukkan hukuman mati terhadap pengedar dadah.

Oleh itu, adalah dicadangkan senarai dadah merbahaya Bahagian III Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya, 1952 hendaklah dipinda untuk memasukkan monosetimorfin ke senarai dadah dalam Bahagian III itu dan meluaskan makna candu bagi meliputi candu mentah, candu masak dan candu untuk ubat. Adalah dicadangkan supaya monoasetilmorfin juga dimasukkan di dalam Seksyen 37 (da) dan 39A juga.

Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 40A Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang terdapat sekarang ini hanya membenarkan kenyataan yang dibuat oleh seseorang agen provocateur diterima sebagai keterangan bagi maksud membuktikan kesalahan di bawah Seksyen 39B atau peraturan yang dibuat di bawahnya sahaja. Seksyen 39B ialah peruntukan yang menjadikan pengedaran dadah sebagai suatu kesalahan yang dihukum dengan hukuman mati. Ini bermakna bahawa kenyataan seseorang agen provocateur tidak boleh dipakai dalam kes tuduhan di bawah peruntukan lain Akta itu. Oleh itu adalah dicadangkan supaya Seksyen 40A digubalkan semula supaya membenarkan kenyataan agen provocateur diterima

di dalam mana-mana pebicaraan bagi tuduhan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini. Juga mana-mana kenyataan yang dibuat kepada agen provocateur diterima sebagai keterangan tanpa mengira pangkatnya di dalam pasukan polis atau kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh penuh keyakinan bahawa dengan mengadakan pindaan-pindaan ini untuk memperkemas lagi peruntukan Akta Dadah Berbahaya, 1952 para pegawai penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah Akta ini akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan dan teratur dan dengan itu adalah diharapkan bahawa segala masalah yang telah dihuraikan ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.15 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti huraian serta kandungan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984, saya ingin memberikan serba sedikit ulasan dan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Pada dasarnya saya menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Di samping ini

suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pada masa yang lalu saya juga ada memberi sokongan kepada undang-undang yang diluluskan oleh Dewan bagi membenteras ancaman dadah di negara kita. Adalah sesuatu yang wajar kepada rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat memberi sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk memerangi masalah dadah yang telah menjadi masalah yang utama, masalah serius dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952 untuk memerangi musuh awam nombor satu kita, saya suka juga mengingatkan pihak Kerajaan bahawa memperkenalkan satu undang-undang yang begitu penting seharusnya Kerajaan tidak hilang pandangan ataupun betapa mustahaknya mengenai hak kebebasan asasi rakyat dan kuatkuasa undang-undang.

Walaupun saya menyokong kebanyakan fasal dalam Rang Undang-undang ini tetapi saya merasa bimbang tentang satu fasal yang pada fikiran saya boleh disalahgunakan dan jika berlakunya salahguna kuasa ini maka ianya boleh mengancam hak kebebasan asasi warganegara.

Saya merujuk kepada Fasal 5 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta ibu dengan memperkenalkan satu seksyen kecil baru 40A (2) dan saya quote di sini:

“40A. (2) Bahawa apa-apa kenyataan yang dibuat kepada agen provocateur oleh mana-mana orang yang kemudiannya didakwa dengan satu kesalahan adalah boleh diterima sebagai keterangan tanpa mengira sama ada agen provocateur itu adalah seorang pegawai polis berpangkat apa pun atau mana-mana pegawai kastam.”

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kepada saya bahawa seksyen kecil baru ini memberikan kuasa yang luas iaitu nampaknya tiada apa kawalan terhadap kuasa kepada pegawai polis berpangkat apa pun, atau mana-mana pegawai kastam dalam mendapatkan bukti atau kenyataan daripada seseorang yang dituduh bersalah oleh kerana masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, ini pada anggapan saya ada bahaya dan perkara yang ditakuti bahawa seseorang pegawai yang tidak bertanggungjawab dan yang tidak berdisiplin boleh menyalahgunakan kuasanya di bawah seksyen baru ini. Pada masa lalu terdapat kejadian-kejadian salahguna kuasa oleh pegawai-pegawai berpakaian seragam dan tidak ada jaminan bahawa salahguna kuasa tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berhubung dengan Rang Undang-undang yang dikuatkuasakan yang boleh mengakibatkan hukuman seumur hidup untuk mereka yang terlibat. Maka adalah perlu bagi Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi satu jaminan kepada Dewan ini dan demi kepentingan orang awam amnya bahawa seksyen baru ini tidak akan disalahgunakan. Memandangkan perkara yang saya sentuh di sini, saya suka menyampaikan cadangan-cadangan saya untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Cadangan yang pertama ialah adalah dicadangkan bahawa pegawai-pegawai polis atau pegawai kastam yang memainkan peranan sebagai “agent provocateur” hendaklah atas pangkat-pangkat yang tertentu dan bukan mana-mana pegawai biasa. Mereka mestilah memegang satu pangkat yang tertentu yang akan memastikan satu peranan yang penuh tanggungjawab dan tidak akan

menyalahgunakan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka semasa menjalankan tugas mereka dan semasa melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Syor yang kedua ialah apa juga kenyataan, iaitu sama ada kenyataan lisan ataupun kenyataan bertulis yang dibuat oleh seseorang kepada agent provocateur mestilah secara sukarela. Berhubung dengan kenyataan bertulis hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuat kenyataan dan berkenaan dengan kenyataan lisan ianya hendaklah dirakamkan. Tujuan ini ialah untuk menentukan bahawa tidak ada tuduhan-tuduhan yang direka-reka terhadap mana-mana orang yang dituduh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengemukaan Rang Undang-undang ini nampaknya ramai orang yang bergantung kepada dadah akan ditangkap, dituduh dan dihadapkan kepada Mahkamah. Di bawah keadaan-keadaan biasa penagih dadah yang dijatuhkan hukuman akan dimasukkan ke dalam penjara. Walau bagaimanapun adalah menjadi pandangan saya supaya pendekatan ini ditimbang semula. Saya rasa bahawa penagih-penagih dadah yang dituduh dan dijatuhkan hukuman di bawah Akta ini hendaklah dihantar terus kepada pusat pemulihan dan rawatan daripada dihantar ke penjara yang tidak mempunyai kemudahan memulih penagih-penagih yang berkaitan. Penagih-penagih dadah tidak sepatutnya dihantar ke penjara bersama-sama dengan penjenayah-penjenayah biasa yang lain kerana mereka tidak dapat dipulihkan. Apa yang perlu dilakukan ialah bagi pihak Kerajaan untuk mengambil langkah yang wajar bagi membuka lebih banyak pusat pemulihan untuk penagih-penagih dadah supaya mereka dapat dipulihkan dan balik ke pangkuan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, itu ialah pandangan dan

komen saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.27 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Merbahaya 1952" yang dibentangkan di Dewan yang mulai pada petang ini.

Saya menyokong penuh tentang pindaan ini demi untuk keselamatan dan mencegah daripada dadah ini masuk ke negara kita dan disalahgunakan oleh rakyat jelata. Walaupun begitu keras sekali undang-undang yang kita laksanakan dalam negara kita, tetapi masih terdapat lagi kemasukan dadah ini ke dalam negara kita dan terdapat lagi mereka yang hendak menggunakan dadah ataupun jenis-jenis yang boleh melalaikan fikiran. Ini adalah kerana sesuatu sebab atau ada sesuatu saluran, ataupun ada sesuatu agen yang menjalankan perniagaan ini yang rasanya pihak Kerajaan sendiri tidak dapat hendak mengesannya. Tetapi walaupun begitu kalau sekiranya perkara ini benar-benar hendak dicegah, maka perkara-perkara yang penting ialah kita hendaklah mengelakkan daripada kemasukan dadah ini daripada luar negeri ke dalam negeri kita.

Saya rasa kemasukan ini mengikut jalan biasa tidak begitu banyak, tetapi selalunya memasuki melalui jalan penyeludupan kerana negara kita ini masih terdedah kepada lautan, sungai dan juga yang senang dimasuki oleh siapa sahaja daripada negara asing. Bagaimana sampainya pelarian Vietnam ke negara kita dan mendarat di pantai negara kita, begitu juga mudahnya dadah ini masuk ke negara kita.

Kalau benar-benar Kerajaan ingin mencegah kemasukan dadah ini maka Kerajaan hendaklah memperkuat Angkatan Tentera Lautnya, memperkuat Badan Mencegah Penyeludupan dan menjalankan kegiatan ini dengan benar-benar agar sebarang kemasukan sama ada pencerobohan, penyeludupan, pelarian tidak akan sampai ke pantai kita. Kalau ini dilakukan sudah tentu dadah juga tidak akan masuk. Tetapi bagaimana masuknya orang-orang pelarian ke negara kita, bagaimana masuknya pelarian Vietnam ke negara kita dan bagaimana masuknya pelarian-pelarian daripada negara-negara jiran ke negara kita, begitulah banyaknya masuk dadah ke negara kita. Kalau ini tidak dapat dicegah dan dilakukan oleh Kerajaan sudah tentu hasrat dan cita-cita Kerajaan tidak akan tercapai.

Kita tahu bahawa di negara kita banyak agensi-agensi yang terlibat dengan dadah; agensi-agensi ini menerima dadah daripada badan-badan penyeludupan ini, misalnya dari kedai-kedai ubat. Kedai-kedai ubat ini banyak menyimpan ubat-ubatan dan juga sebahagian daripada dadah, dan sudah tentu pihak Kerajaan tidak dapat mengesan perkara ini kerana dengan begitu banyak simpanan ubatan itu dan juga cara-cara ia mengaturnya, sudah tentu tidak dapat kita mengesan. Oleh itu, saya meminta pihak Kerajaan mengawasi semua kedai-kedai ubat supaya tidak akan menyimpan sebarang dadah atau ubatan yang merbahaya lebih-lebih lagi di dalam pemberian lesen untuk membuka sesuatu kedai farmasi atau kedai ubat hendaklah mempunyai kelulusan farmasi yang baik, yang boleh diakui. Kadang-kadang kita tidak pernah mencegah penjualan ubat di kaki lima, penjualan ubat di tepi-tepi jalan dan juga kedai-kedai ubat yang bersepah-sepah tanpa diawasi dengan benar-benar dan kalau kita mengawasi perkara ini sudah

tentu dadah tidak akan tersebar dengan seluas-luasnya.

Selain daripada itu, saya suka hendak menegur bahawa banyak lagi bahan-bahan yang boleh mengeluarkan satu benda yang merupakan dadah, yang boleh melalikan, misalnya terdapat digunakan oleh kanak-kanak sekolah kita iaitu kalau tidak dapat menerima dadah atau barang-barang ini, mereka membeli, misal kata gam, seperti gam menampal tiup basikal, apabila dibuka, ada gas di dalamnya. Gam itu dibeli oleh kanak-kanak sekolah dan dihisapnya. Benda ini masih dijual dan masih ada di kedai, dan ini adalah merupakan satu ketagihan yang ia tidak dapat dielakkan. Bahan-bahan seperti ini patutlah pihak kita membuat penyelidikan dan sekiranya diharamkan, patut diharamkan. Banyak bahan-bahan yang dilakukan supaya barang-barang makanan atau barang-barang yang hendak dijual itu tahan lama, misalnya gam itu tahan bekunya, supaya tidak cepat jadi beku, maka gas itu dibubuh, entah apa jenis ubat, dan gas itulah yang disedut oleh kanak-kanak sekolah dan telah pun pernah dijumpai di Pantai Timur, di Pantai Barat saya tidak pernah jumlah lagi, kerana benda ini mungkin ada tetapi tidak dapat dikesan.

Saya menyokong penuh tentang cara pencegahan dadah ini dijalankan di lapangan-lapangan terbang iaitu semua beg-beg, kalau orang tidak tahu semua beg-beg yang kita bawa daripada luar negeri itu najis kita pegangnya. Katanya semuanya telah dijilat oleh anjing untuk mencegah supaya beg itu tidak berisi dadah, maka beg-beg yang kita bawa daripada luar negeri, misalnya kita datang daripada England, daripada Amerika, beg-beg itu telah pun dihidu atau dijilat oleh anjing, kita tidak tahu yang beg itu telah pun najis. Kita sokonglah cara ini, tetapi kita minta kalau boleh janganlah sampai jilat, hidu itu hidu

tetapi jauh-jauh sahaja dan kalau beg-beg yang disahkan itu ada nama Mohamad janganlah hidu dekat sangat. kerana saya dapati banyak beg-beg ini sebelum sampai kepada kita anjing telah hidu dan telah jilat. dan saya minta juga supaya beg-beg yang datang daripada Mekah kepunyaan orang Islam semuanya tak usahlah beri anjing ini jilat. tak usahlah anjing ini hidu. rasanya orang daripada Mekah dia tidak bawa balik dadah. kalau adapun jahat sangatlah tok haji itu. Jadi ini satu perkara yang saya tahu adalah amat baik untuk mencegah kemasukan dadah. tetapi caranya biarlah sesuai dengan kehendak dan keadaan negara kita yang mengamalkan undang-undang Islam supaya beg-beg itu jangan jadi najis.

Satu lagi kempen kita ialah supaya jangan menggunakan dadah. Kadang-kadang kalau kita tengok T.V. mula-mula ia iklankan Maggi, selepas itu iklan Milo, selepas itu iklan Dadah. Jadi budak-budak ini berkata "Eh! Makan Maggi pun bagus juga, minum Milo pun bagus juga, selepas itu hisap dadah pun bagus juga" katanya, kerana iklan yang ditunjuk itu adalah meminta supaya orang gemar memakan benda itu. Jadi saya mintalah supaya iklan bagi mencegah penggunaan dadah ini berasingan, buat satu siri yang jauh daripada yang lain, jangan selepas Maggi, Milo, selepas Milo—dadah. Jadi budak-budak sekolah yang tidak tahu ini mereka tidak tahu apa yang mereka cakap dalam iklan itu, yang mereka tahu ialah bahawa itu Maggi, itu Milo, itu dadah, maka timbullah perasaan ingin mencuba apa yang dikatakan dadah dan inilah mereka berkata apakah dadah itu? Mereka tidak faham orang huyung-hayang huyung-hayang motokar rempoh, ia tidak faham, ia tidak tahu apa, cuma yang mereka tahu ini dadah, ini Milo, ini Maggi, itu kicap, itu sabun—itu mereka tahu.

Kadang-kadang bukan orang ambil perhatian sangat, tetapi dengan gambar yang ditunjukkan itu adalah merupakan sesuatu perkara yang boleh mengelirukan dan saya rasa kadang-kadang kita jemu sangat dalam T.V. ini setiap masa dengan kempen kesan dadah, tetapi keadaannya tidak begitu berkesan sangat kalau sekiranya tidak dibuat suatu siri yang tertentu atau yang berasingan yang benar-benar boleh menggerunkan, kadang-kadang kita marah tengah tengok cerita sedap, datang pula Kempen Anti Dadah, apa ini kempen dadah sahaja? Jadi inilah yang menyebabkan kemarahan dan saya rasa cara-cara kempen ini apabila terlampau banyak sangat seolah-olah macam negara kita penuh dengan penagih-penagih dadah, jadi buatlah perlahan-lahan sedikit dengan cara psychology yang baik, yang tidak begitu memberi gambaran yang buruk. Kalau sekiranya kita selalu buat kempen anti-dadah ini dengan cara besar-besaran sepertimana yang ditunjukkan dalam T.V. sekarang ini, kalau tadkir datang pelawat daripada luar negeri, mereka mengatakan rupanya Malaysia ini banyak sungguh penagih dadah, sebab itu ia kempen setiap jam, setiap saat. Jadi ubahkanlah cara-cara lain, cara penerangan yang lain, cara-cara yang boleh, yang tidak akan mengelirukan kepada anak-anak kita.

Saya suka juga hendak menyebutkan tentang mereka yang telah pulih daripada Pusat Pemulihan. Mereka yang telah pulih daripada Pusat Pemulihan ini kalau tidak diawasi betul-betul mereka ini akan kembali semula kepada penagih dadah dan sebaliknya mereka juga akan menjadi agen untuk menyampaikan dadah kepada rakan-rakannya yang ada di dalam Pusat Pemulihan itu dengan cara membuat lawatan atau dengan cara-cara yang kita sendiri tidak tahu, tetapi ini ada satu laporan yang saya terima "bahawa penagih

dadah yang ada di dalam Pusat Pemulihan itu mendapat dadah melalui rakan-rakannya yang telah pun pulih". Ini mereka minta tolong khidmat sukarela. Jadi dengan cara ini, saya rasa hasrat kita untuk menyegerakan pemulihan itu dan juga untuk menghalang orang yang telah pulih itu daripada menagih dadah maka tidak akan dapat kita cegah kalau sekiranya perkara-perkara ini tetap berlaku dengan secara berleluasa. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang kita harus mengambil perhatian semoga hasrat kita untuk mencegah dadah ini tidak akan berkurangan hanya setakat kita mencipta atau meminta suatu undang-undang walaupun pemindaan undang-undang itu baik dan juga boleh memberi sedikit sebanyak kesan, tetapi setakat meminda undang-undang itu sahaja tidak akan berkesan jika sekiranya pelaksanaan dan juga hasrat yang sebenar untuk mencegah dadah ini masuk ke negara kita tidak dijalankan.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa kemasukan utama dadah ke negara kita ini melalui penyeludupan, jadi pencegahan penyeludupan dan tindakan tegas Kerajaan dalam menghalang kemasukan sebarang benda daripada luar patut dicegah supaya kemasukan dadah tidak akan sewenang-wenangnya masuk ke negara kita. Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.40 ptg.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahas Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan

mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah berjaya untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Dadah 1962 supaya ianya dapat dikemaskini untuk memberi kekesanan yang lebih dalam usaha Kerajaan hendak membasmi dadah di negara kita.

Akta ini adalah jelas mencerminkan hasrat Kerajaan di dalam membasmi dadah di negara kita kerana sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan memang berazam hendak memerangi habis-habisan dadah di negara ini. Sejak Kerajaan telah melancarkan gerakan-gerakan membasmi dadah di negara ini sedikit sebanyak telah memberikan hasil yang agak baik, akan tetapi keadaannya belum lagi boleh dibanggakan. Namun demikian, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada jentera Kerajaan, terutamanya Pasukan Polis Cawangan Anti Dadah, Kastam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain pihak yang telah menunjukkan semangat dedikasi di dalam usaha memerangi siapa sahaja yang terlibat dengan gerakan dadah, sama ada pengedar atau penagih-penagih dadah. Akan tetapi, satu hakikat yang perlu difikirkan apakah kita akan berjaya dengan keadaan-keadaan yang berlaku atau yang dijalankan oleh jentera Kerajaan semata-mata tanpa mendapat sokongan yang bulat dan padu daripada rakyat seluruhnya. Jawabnya tentulah Kerajaan tidak akan dapat mencapai hasil yang memuaskan tanpa sokongan dan kerjasama yang padu daripada rakyat sekalian. Masalahnya sekarang ini benarkah rakyat di negara kita ini menerima saranan Kerajaan bahawa dadah merupakan musuh utama negara.

Saya timbulkan soalan ini kerana walaupun Kerajaan telah memberi peluang yang begitu luas kepada rakyat untuk melibatkan diri di dalam gerakan membasmi dadah, Kerajaan telah mengizinkan penubuhan sebuah organisasi yang khusus yang dikenal dengan nama PEMADAM (Pertubuhan Menentang Dadah Malaysia), tetapi berapa orang, sama ada yang ada di dalam Dewan ini ataupun yang ada di luar daripada Dewan ini yang telah menyertai PEMADAM untuk sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan bagi menentang dadah yang menjadi musuh utama negara. Inilah soalnya. Kalau kita tanya kepada pemimpin-pemimpin PEMADAM barangkali jawabnya adalah jelas, bilangannya terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah lebih 14 juta rakyat Malaysia ini. Ini adalah satu perkara yang penting yang perlu dititikberatkan oleh Kerajaan iaitu bagaimana dan cara mana supaya Kerajaan akan dapat inembetulkan sikap yang negatif rakyat ini supaya mereka benar-benar menyedari dan memahami serta sanggup dan bersedia melibatkan diri berganding bahu dengan Kerajaan menentang dadah yang menjadi musuh utama negara.

Kita berharap Kerajaan akan menggunakan segala jentera yang ada, sama ada di peringkat Negeri atau Daerah-daerah membangkitkan kesedaran rakyat betapa bahayanya dadah terhadap masa depan negara, terhadap kepentingan fizikal dan mental manusia serta zuriatnya. Sekiranya rakyat sedar dan insaf sebagaimana kesedaran mereka terhadap bahaya komunis, maka saya fikir pada waktu itu kita akan dapat melihat gerakan rakyat benar-benar dapat berganding bahu dengan Kerajaan menentang dadah. Kita berharap organisasi yang sudah wujud yang dikenal dengan nama PEMADAM ini hendaklah diberi

nafas yang baru supaya ianya benar-benar dapat mengembelingkan tenaga rakyat bagi menentang dadah.

Kempen-kempen untuk menyedarkan rakyat supaya memberikan sokongan dan kerjasama ini perlu dilakukan dengan secepat mungkin kerana sekiranya kerjasama daripada rakyat tidak diperolehi, kita takut dan kita bimbang usaha-usaha yang Kerajaan buat secara berterusterusan ini walaupun sampai 20, 30, 40 tahun yang akan datang tetapi keadaannya tidak akan dapat sampai kepada matlamat yang dituju. Hari ini angka-angka yang kita dapati adalah membimbangkan, kononnya lebih daripada 90,000 mereka yang dapat didaftarkan, tetapi yang tidak dapat didaftarkan entah 10-20 kali ganda daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan supaya PEMADAM ini diberi nafas baru, PEMADAM sebagai sebuah organisasi yang dipelopori oleh orang awam patutlah dicari ikhtiar supaya dapat mengadakan kewangannya yang lebih kukuh dan kuat. Mungkin ada orang bertanya bagaimana caranya kewangan PEMADAM ini boleh diperkukuhkan. Sebenarnya kalau kita hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Umpamanya, kalau sekiranya PEMADAM ini di dalam peraturan dan undang-undangnya tidak membolehkan ia menjalankan apa-apa kegiatan ekonomi yang boleh memberi sumber kewangan yang kuat maka Kerajaan boleh memberikan peraturan-peraturan yang membolehkan mereka bergerak. Sekiranya PEMADAM ini sudah ada peraturan yang membolehkan mereka bergerak bagi memperkukuhkan kewangan di sektor perniagaan, perusahaan dan sebagainya maka ini adalah suatu cara ataupun keadaan yang sangat baik dan peluang ini patutlah Kerajaan memikirkan

bagaimana pula caranya supaya PEMADAM ini dapat bergerak bagi mencapai objektifnya.

Saya suka memberi pandangan umpamanya di negara kita ini sebagai sebuah negara persekutuan kita ada negeri-negeri. Apa salahnya kita jemput Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri berunding tiap-tiap negeri itu memperuntukkan sesuatu yang boleh membantu kewangan PEMADAM. Umpamanya memberikan projek perumahan, memberikan kawasan perhutanan ataupun apa sahaja yang boleh menjadi sumber kewangan kepada PEMADAM itu. Kalau PEMADAM ini sudah begitu kukuh kewangannya, PEMADAM ini boleh mengadakan kakitangan dan pegawai-pegawai yang lebih berupaya untuk menjalankan kegiatan membantu Kerajaan. Di waktu itu bebanan Kerajaan akan bertambah ringan. Tetapi pada hari ini kita tidak tahu apakah PEMADAM cukup mempunyai kewangannya, di mana ibu pejabatnya, berapa ramai kakitangannya, berapa ramai ahlinya. Inilah soalnya. Jadi kita adakan satu organisasi tetapi organisasi ini walaupun hasratnya, cita-citanya, keazamannya begitu tinggi tetapi bak kata pepatah Melayu walaupun ingin memeluk gunung apakan daya tangan tak sampai. Inilah keadaan yang dialami oleh PEMADAM. Oleh sebab itu Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri patut mengambil langkah-langkah yang positif, bagaimana saya katakan tadi meminta Kerajaan-kerajaan Negeri ini memberikan apa sahaja kemudahan yang boleh merupakan satu sumber kewangan, memperkukuhkan kedudukan PEMADAM supaya ianya dapat bangun dan tegak di tengah-tengah masyarakat sebagai satu organisasi rakyat yang begitu kukuh dan padu berganding bahu bersama-sama Kerajaan menentang dadah di dalam negara kita ini. Jika ini tidak

dapat dilakukan saya yakin dan percaya usaha kita ini seperti kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu melihat ke dalam kepada jentera-jentera Kerajaan bagi menentang dadah ini. Umpamanya Polis Cawangan Anti Dadah. Ya, saya faham dan saya sedar di tiap-tiap negeri sudah ada Polis Cawangan Anti Dadah. Akan tetapi unit ini apakah benar-benar sudah lengkap, mampu di dalam melaksanakan amanah yang kita letakkan kepada mereka? Jika sekiranya tidak cukup, satu langkah yang positif perlu diambil kalau benar-benar kita katakan dadah musuh utama negara. Pasukan-pasukan Polis Anti Dadah ini perlu diperlengkapkan bukan sahaja cukup dari segi anggotanya tetapi lengkap dengan alat-alat moden untuk mereka mengesani dadah sama ada penagih atau pengedar.

Begitulah juga kepada pasukan ataupun Jabatan Kastam kita yang kita amanahkan untuk mengawal kemasukan dadah sama ada yang dihantar keluar, dieksport atau import, mereka juga perlu diperlengkapkan dengan alat-alat yang moden sesuai dengan tugas dan peranan mereka sebagai orang yang berada di garisan hadapan menentang musuh utama negara. Janganlah hanya buat batuk di tangga sahaja, beri tugas mahukan hasil. Jadi ini adalah satu tindakan yang menyeksakan kepada mereka. Berikan cukup lengkap. Kalau perlu elau ditambah, tambah, jangan disekat-sekat kerana mereka adalah, yang diperangi musuh utama negara, mereka berada di garisan hadapan, elau mereka pula hendak ditahan, hendak suruh dia bekerja, kerja hendak lebih, hasil hendak banyak tetapi faedah tak diberi. Apa akan jadi. Tepuk dada, tanya selera.

Begitu juga pegawai-pegawai penyelia kita di Jabatan-jabatan

Kebajikan Masyarakat. Mungkin di tiap-tiap daerah sudah ada pegawai-pegawai ini untuk menjadi sebagai penyelia pada penagih-penagih dadah dalam satu-satu daerah yang besar-besar terutama di kawasan-kawasan yang kurang infrastrukturnya atau kemudahan asas, jalan tak ada umpamanya, bagaimana pegawai-pegawai ini dapat membuat penyeliaan yang rapi dan sempurna, terpaksa naik sampan, naik bot, kayuh basikal, jalan kaki dan sebagainya. Inilah perkara-perkara yang perlu kita buat kalau benar-benar kita kata mahu perang habis-habisan, soal jentera Kerajaan ini perlu kita fikirkan, kita lengkap dan perkemaskan dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian satu lagi kaedah yang dibuat oleh Kerajaan selain daripada memerangi mereka ini ialah mengadakan pusat-pusat pemulihan. Kita akui banyak pusat-pusat pemulihan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan di dalam negara kita ini dan pun sering kali pula kita dengar penagih-penagih dadah yang berada di pusat-pusat pemulihan ini lari meninggalkan pusat-pusat pemulihan ini. Perkara ini juga perlu difikir dengan mendalam kerana orang-orang yang sudah terlibat dengan dadah ini mereka ini bukan sahaja sudah rosak dari segi fizikalnya tetapi juga mentalnya. Maka untuk memulihkan orang-orang yang sudah rosak dari segi fizikal dan mental ini kita perlukan pakar-pakar yang faham sama ada dari segi kesihatan, fizikal ataupun dari segi ilmu jiwa atau psaiologi. Barangkali kita tidak boleh berkasar-kasar dengan mereka ini. Dengan kekasaran kita itu mereka akan cabut lari. Mungkin hendak dipujuk-pujuk dan sebagainya. Ada yang barangkali mesti dikasarkasarkan. Ada pula setengah mesti dipujuk-pujuk dan sebagainya. Pendeknya banyak masalah yang perlu kita fikirkan hanyalah ahli-ahli

psaiologi sahaja yang akan membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka yang sudah rosak mentalnya itu. Maka dengan sebab itu saya menyeru supaya pusat-pusat pemulihan ini juga dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang mencukupi dengan keperluan penagih-penagih yang akan dipulihkan di dalam pusat-pusat pemulihan ini.

Pada hari ini apabila sahaja penagih-penagih dadah di pusat-pusat pemulihan ini dipercayai sudah sihat, fikirannya sudah mantap maka mereka ini akan dikeluarkan dan dibenarkan hidup di dalam pangkuan masyarakatnya kembali kerana tidak ada lain lagi pilihan sebab kalau kita simpan lagi mungkin kita tidak dapat hendak memulih orang yang lebih parah, ini memang betul. Akan tetapi kita perlu juga memikirkan implikasi daripada cara dan kaedah yang kita buat ini, apakah orang-orang yang sudah kita benarkan balik ke dalam pangkuan masyarakatnya itu dapat diterima oleh anggota-anggota masyarakat dengan senang hati atau sebaliknya.

Dari pengalaman saya, ada di antara orang-orang yang sudah pulih ini bila balik ke dalam masyarakat untuk berkelakuan biasa normal balik tetapi ada masyarakat-masyarakat yang pandang serung, melarang anak-anak saudara mereka, anak-anak mereka, keluarga mereka, jangan berkawan dengan si dia itu. Itu orang dadah itu, jangan kawan, itu orang dadah. Sana kata begitu, sini kata begini, budak yang baharu keluar ini sudah naik frust, kerana disisih dalam masyarakat. Akhirnya dia radang, dia frust, dia bertindak dua kali lebih hebat daripada dahulu. Kalau dahulu dia hisap sahaja dadah ini sudah sampai tahap hendak cucuk, inject. Jadi apa artinya yang kita duduk pulih belanja beribu-ribu ringgit, keluar-keluar rupanya lebih hebat, lebih dahsyat, lebih teruk daripada keadaan sebelum dia masuk, apa maknanya ini.

Di sinilah juga letaknya peranan masyarakat sebagaimana yang saya sebutkan pada mulanya tadi sikap negatif masyarakat perlu ditukar supaya ia dapat menerima orang-orang yang sudah berniat hendak hidup baik ke dalam masyarakat biasa diterima, janganlah menganggap ataupun meleceh-lecehkan ataupun menyindir-nyindir orang-orang yang keluar daripada pusat pemulihan ini kerana perbuatan mereka ini akan memberi kesan yang buruk kepada penagih-penagih dadah yang sudah dipulihkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang sudah keluar daripada pusat-pusat pemulihan ini juga kadang-kadang mereka merasa kecewa. Kalau pun masyarakat kampungnya tidak menyindir-nyindir, tidak menyisihkan dia, tetapi bila pergi meminta pekerjaan, apabila tahu dia ini orang dadah, tidak ada siapa yang hendak menerimanya. Ke manakah mereka ini akan pergi untuk mencari nafkah menyambung hidupnya di dunia, sana orang tidak terima, sini pun tidak terima pergi sana tidak terima, marilah kita insaf kepada diri kita sendiri bagaimana kalau aku terjadi demikian. Kalau aku seorang penagih dadah keluar pusat pemulihan minta kerja sana tidak terima, sini tidak terima, apa akan jadi. Kita mesti menginsafi membandingkan diri kita kalau aku jadi begitu bagaimana, di situlah akan timbul rasa kesedaran dan keinsafan. Maka sebab itulah sudah beberapa kali saya telah bercakap sama ada di dalam perhimpunan parti ataupun di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan menyedari hakikat ini mengadakan satu skim penempatan yang khusus, pilihlah mana-mana kawasan-kawasan yang subur di negara kita 4,000, 5,000 ekar, pilih. Kemudian di situ kita boleh buat projek pembangunan pertanian umpamanya kelapa sawit dan sebagainya. Kita dirikan di situ pula pusat-pusat bengkel-bengkel, latihan

seperti mekanik motor-motor dan sebagainya. Kita adakan bengkel kraftangan dan sebagainya. Mereka ini dikawal ala tentara supaya mereka-mereka yang sudah pulih dari pusat-pusat pemulihan ini boleh dihantar ke kawasan-kawasan penempatan ini, kemudian mereka bolehlah memulakan hidup baharu dengan mengerjakan tanah-tanah ladang ataupun mengembangkan kepandaian dan kecenderungan mereka di lapangan teknikal atau kemahiran-kemahiran tangan dan sebagainya.

Hasil daripada usaha mereka ini bolehlah diberikan sumbangan kewangan, bolehlah merupakan sumbangan kewangan kepada pusat-pusat latihan ini. Kita boleh meminta jutawan-jutawan, hartawan-hartawan sama ada anak yang terlibat atau tidak, supaya sama-sama memberi sumbangan untuk membangunkan projek ini. Kalau tidak mahu buat luas 4,000, 5,000 ekar, buat 200, 300, 400 ekar dahulu, cuba dahulu. Kemudian sesudah mereka ini duduk bekerja setahun, dua tahun barangkali mereka ini sudah benar-benar pulih, barangkali pada waktu itu Kerajaan boleh membawa pula saudagar-saudagar atau orang-orang yang berminat di dalam menjalankan perusahaan melihat bagaimana gigihnya semangat dan juga bagaimana baiknya mutu perbuatan yang dihasilkan oleh penagih-penagih dadah yang sudah pulih ini dan pada masa itu dapat meyakinkan kepada pelabur-pelabur ini atau orang-orang yang menjalankan perusahaan ini untuk menerima mereka ini menjadi pekerja-pekerja mereka yang mahir atau separuh mahir di dalam kilang perusahaan mereka. Maka dari situ baharulah dapat kita memberikan satu harapan baharu kepada penagih-penagih dadah ini untuk memulakan hidup baharu sepertimana orang-orang lain juga.

Sesudah mereka yakini oleh pengusaha-pengusaha bahawa mereka

ini benar-benar pulih, mereka ini benar-benar mempunyai kemahiran, dapat menghasilkan buatan-buatan yang bermutu tinggi maka sudah tentulah mereka akan diterima bekerja di mana-mana perusahaan yang ada di dalam negara ini. Tidakkah seperti yang saya katakan tadi selepas keluar dari pusat pemulihan, minta kerja di sana tidak dapat, minta di sini tidak dapat, minta di situ tidak dapat, dia pun sudah rasa kecewa. Ini perlu kalau benar-benar Kerajaan mengatakan bahawa dadah ini musuh utama kepada negara.

Dengan adanya pusat-pusat penempatan ini sekiranya baik barangkali boleh diperbesarkan. Kalau tidak mahu diperbesarkan barangkali boleh dibuat banyak tempat di tiap-tiap negeri, kita mulakan sebagai projek perintis di mana-mana sahaja dipilih, lepas itu dikembangkan keseluruhan negara kita.

Maka dengan kaedah yang seperti ini, saya rasa akan dapat memberi manfaat yang lebih bukan sahaja kepada penagih-penagih dadah tetapi juga kepada negara, kerana setengah-setengah penagih dadah ini walaupun dia sudah pulih dan diterima masuk dalam masyarakat, tetapi kadangkadangkang ada pengaruh-pengaruh alam sekeliling ataupun orang-orang yang menagih dadah atau kawan kenalan yang lalu dia mudah terpengaruh, dia macam ada besi herani, dengan sebab itulah yang saya kata tadi mereka ini perlu diasingkan ke suatu kawasan yang lain daripada duduk dalam masyarakat.

Macam saya hisap rokok, saya sudah tiga-empat kali hendak berhenti hisap rokok. Tetapi bila kawan lalu hisap rokok, dia bubuh berasap, saya terbau wangi asap rokok, wangi baunya, saya pun hisap balik dan terus hisap balik. Lepas itu berhenti, tengok orang hisap, hendak hisap balik. Jadi kalau tak tengok orang hisap tidak mencium bau asap, barangkali saya

boleh berhenti merokok. Inilah masalah kepada penagih dadah tadi. Kalau sudah pulih, supaya wang kita tidak rugi, tidak sia-sia seperti kata peribahasa, mencampakkan garam ke dalam laut atau buat kerja yang sia-sia, sudah pulih jadi lebih teruk, apakah gunanya? Jadi tempatkan dia di sana. Jadi wang yang kita belanjakan dari segi ekonomi pula kita lihat, kerana belanja hendak pulihkan dia tadi akan dapat kita pungut kembali menerusi tenaga-tenaga yang disumbangkan di dalam kawasan-kawasan penempatan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong di atas penalti atau hukuman-hukuman yang dikenakan begitu berat kerana di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 itu sudah diadakan hukuman yang paling berat iaitu hukuman mati. Sebagaimana saya cakap semalam, di dunia ini mati itu adalah hukuman yang paling kemuncak kepada manusia, tak ada lebih daripada itu lagi. Ini di dunia, kerana berlainan di akhirat, di akhirat kita tidak akan mati lagi selama-lamanya, akan terus hidup. Bagi orang yang hidup bahagia, bahagialah, tetapi yang menanggung derita, deritalah selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya suka menggulung balik ucapan saya tadi iaitu saya berharap supaya Kerajaan akan terus mempertingkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya dadah di dalam negara kita ini.

Yang kedua, Kerajaan mestilah mencari jalan supaya memperkukuhkan kedudukan PEMADAM untuk menjadi sebuah organisasi rakyat yang mantap, mampu menghadapi cabaran dari semasa ke semasa dengan cara mendapat kerjasama daripada semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk memberikan peluang-peluang mengukuhkan kedudukan kewangan supaya ianya

dapat mengadakan pegawai-pegawainya tersendiri berganding bahu bersama-sama dengan Kerajaan bergerak serentak seia dan sekata di bawah satu panji-panji menghapuskan dadah di bumi Malaysia.

Yang ketiga, Kerajaan perlu memperkukuhkan memperkemaskinikan jentera-jentera yang ada sama ada Polis Cawangan Anti Dadah, Kastam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Dengan adanya kemudahan-kemudahan, keperluan-keperluan untuk jabatan-jabatan ini dapat dilengkapkan kita berharap prestasi mereka akan meningkat dari semasa ke semasa kerana kita lihat walaupun tidak begitu lengkap mereka telah menunjukkan jasa yang begitu cemerlang. Kita tahu berapa ramai sudah pengedar dadah yang telah dimusnahkan, pusat-pusat pembuat dadah sudah dimusnahkan, penagih-penagih dadah sudah banyak dihadapkan ke muka pengadilan dan sebagainya.

Satu lagi jentera Kerajaan iaitu Pegawai-pegawai Majistret Kelas Satu atau Hakim-hakim, kerana kalau kes-kes dadah ini apabila ditangkap oleh Polis tidak dapat hendak dihadapkan, dibawa ke muka pengadilan dengan segera, maka kesannya adalah amat buruk. Hari ini kita tahu dalam kes-kes sivil pun masih berlambak-lambak belum selesai di mahkamah rendah, mahkamah tinggi dan mahkamah district dan sebagainya. Jadi supaya gerakan penangkapan pengedar dadah itu dibawa ke muka pengadilan dengan cepat kita perlu perkemaskan bidang kehakiman ini. Sekiranya kes-kes ini dapat diperdengar, dipercepatkan di mahkamah, maka kita akan dapat keputusan yang lebih cepat dan gerakan-gerakan yang lebih berkesan dapat dibuat.

Berhubung dengan jentera Kerajaan ini, saya juga fikir adalah menasabah

pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa orang-orang yang salah dalam kes dadah ini jangan dikurung bersama-sama dengan penjenayah-penjenayah yang lain. Kalau hendak dimasukkan dalam satu kawasan penjara yang besar tetapi bilik-biliknya berasingan, kegiatan yang berlainan kerana orang penagih dadah dengan penjenayah lain itu dia lain kaedahnyanya. Kita takut orang-orang lain pun akan terpengaruh.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan rasa dukacita bagi pihak rakyat kerana terdapat penyeludupan dadah ataupun dadah dapat diseludupkan ke dalam penjara. Ini adalah amat malang kerana waktu saya membaca beberapa laporan akhbar, bak kata pepatah Melayu, Harapkan pagar, pagar makan padi. Maka inilah saya katakan semalam, pegawai-pegawai kita mestilah mempunyai rasa tanggungjawab bukan sahaja setakat kecekapan dan kebolehan, pegawai yang amanah supaya mereka tidak menyeleweng dari tugas dan tanggungjawabnya.

Saya katakan malang ini kerana walaupun seorang dua yang melakukan tetapi merosakkan nama baik orang lain. Seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit. Jadi saya harap jika terbukti ada pegawai yang menyeleweng itu patutlah tindakan yang berkesan diambil supaya ianya tidak merosakkan nama baik orang-orang lain. Oleh sebab itu, kesedaran hendaklah sentiasa diberi kepada pegawai-pegawai kita supaya jangan melakukan perbuatan-perbuatan yang terkutuk sebagaimana yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya menyokong dengan sepenuhnya Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984 ini. Wabillahi taufiq wal hidayah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.20 *prg.*

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, Kerajaan lagi sekali menggunakan majoriti gergasi dalam Dewan yang mulia ini untuk meminda undang-undang. Justeru itu undang-undang adalah satu entiti yang hidup, mesti mengira laluan jangka masa dan dengan sebab itu pindaan mestilah dibuat dengan sebab sikap tidak apa dahulu dan hendak memperhatikan apabila mahkamah-mahkamah menyebut kecacatan dalam undang-undang.

Tuan Speaker, Kamar Peguam Negara ada mempunyai pegawai-pegawai berpengalaman yang mesti mengawasi apabila merangka Rang Undang-undang supaya mengelakkan pindaan-pindaan kecil yang mempunyai implikasi serius tidak perlu dibuat. Tuan Speaker, dalam kes Teh Cheng Poh lawan Pendakwa Raya tahun 1979, 1 MLJ, muka 50, Majlis Privy pada 11hb Disember, 1978 ada tunjuk kepada kami selepas Parlimen bersidang pada 20hb Februari, 1971 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa lagi membuat Undang-undang Peraturan-peraturan Perlu dengan kuasa undang-undang.

Tuan Speaker, seperti diharapkan Kerajaan bertindak dengan cepat dalam Januari tahun 1979 dan pusing balik keputusan Majlis Privy dengan meluluskan, dengan izin, Emergency Essential Powers Act 1979, Akta 216. Tuan Speaker, perkara kecil 5 Rang Undang-undang ini cuba masuk suatu seksyen kecil bagi seksyen 40A membenarkan percakapan-percakapan dibuat kepada agent provocateur, oleh sesiapa pun yang kemudian dituduh dengan sesuatu kesalahan boleh diakui sebagai bukti. Walaupun agent provocateur itu ialah seorang pegawai polis apa juga

pangkat dan sama juga pegawai kastam.

Pindaan dicadangkan itu ialah hasil keputusan Tuan Hakim Ajaib Singh dalam Mahkamah Tinggi Ipoh pada 22hb Mac, 1983 dalam kes Pendakwa Raya lawan Putih Nordin dan seorang lagi memberi keputusan bahawa percakapan-percakapan kepada seorang detektif police constable, dengan izin, berpangkat rendah dari inspektor tidak dapat diterima mengikut seksyen 37 (a) Akta Dadah Berbahaya.

Pada perkara yang sama perkara 2 cuba merangka takrif baru raw opium. Takrif sekarang menyekat erti raw opium sebagai bahan beku sendiri terdapat dalam tumbuhan Papavar Somniferum L. Mengikut pindaan baru bahan beku terdapat dari manamana sesuatu tumbuhan dari mana terdapat morphin akan masuk dalam takrif raw opium. Pindaan ini ialah dengan sebab keputusan Tuan Hakim Mustapha Hussein dalam Mahkamah Tinggi Kangar dalam membebaskan seorang didakwa dari tuduhan mengedar dadah atas sebab technical point, dengan izin, dalam kes itu.

Tuan Speaker, wajibnya kamar Peguam Negara menimbang dengan teliti Rang Undang-undang selalu mencari pindaan-pindaan dalam Parlimen hanya mencerminkan sikap tidak peduli perangka undang-undang dalam Kamar Peguam Negara boleh difahamkan. Tetapi mencuba membetulkan kesilapan-kesilapan terus terang itu disebut oleh hakim-hakim tidak mengharumkan kebolehan, Tuan Speaker, Kamar Peguam Negara menasihatkan cara efektif Kerajaan kita.

Tuan Speaker, saya mengaku dengan sesungguhnya kegiatan-kegiatan Kerajaan menghapuskan bahaya besar dadah sudah pun jadi bencana besar dan sebenarnya dianggap musuh awam pertama.

Sungguhpun kita sibuk sangat menghapuskan bahaya dadah, jangan kita lupa, Tuan Speaker, undang-undang dadah mesti dicipta selepas memikirkan secara luas dan dalam. Jangan kita lupa undang-undang dadah kita ialah undang-undang keras sekali dalam dunia. Hakim-hakim berbicara kes dadah hendak dibantu dengan undang-undang jelas dan terang bukan samar dan tidak tentu. Mengenakan hukum mati, hukum muktamad sekali hendak ditimbang dengan baik oleh Kamar Peguam Negara.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Tampin.

5.25 petang.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan tujuan untuk menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri kerana memperkemaskan lagi Akta Dadah Berbahaya 1952 berdasarkan pengalaman tentang kelemahan-kelemahan atau loop-holes yang dialami oleh pihak-pihak berkuasa semasa pelaksanaannya.

Saya yakin seluruh rakyat jelata melainkan orang-orang yang menganut keuntungan dari perniagaan dadah sahaja akan mengalu-alukan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya ini. Sekiranya pentakrifan menjadi masalah dari segi pelaksanaan Akta Dadah Berbahaya maka memang perlu sangatlah pentakrifan itu diperbetulkan supaya bukan sahaja ianya tepat tetapi menyeluruh dan tidak mungkin orang-orang yang jadi kaya-raya atas kesengsaraan orang lain seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terlepas semata-mata oleh kerana kehandalan atau kelemahan orang-orang yang terlibat dalam pelaksanaan

undang-undang berhujah dalam mentakrif perkataan dari segi pengertian undang-undang. Dengan adanya pindaan seksyen 2 Akta 234, saya berharap masalah pentakrifan tidak akan timbul lagi dan semua jenis dadah bahaya tidak kira asal dan caranya diperbuat telah semuanya dirangkumi oleh takrif dalam Akta Dadah Berbahaya.

Berhubung dengan perkara ini saya juga mengalu-alukan pindaan seksyen 37 dan juga Fasal 4 dan 6 yang memasukkan monoacetylmorphines dan (iii) (a) baru dalam senarai dadah berbahaya kerana dalam zaman teknologi kimia yang menjadi begitu tinggi cara pemerosesan dadah semakin menjadi senang dan bermacam-macam jenis dadah boleh diperbuat. Saya sangat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi supaya Kementerian mengawasi penjualan apa-apa sahaja bahan yang boleh mengajar orang berjinak-jinak dalam dunia kekhayalan yang lama-kelamaannya membawa kepada penagihan dadah.

Pindaan kepada seksyen 39A terutama sekali perkara (d) dan (g) juga sangat-sangat dialukan kerana dalam keadaan di mana penalti penyalahgunaan dadah adalah maut tetapi keuntungan dari perniagaan dadah di pasaran gelap begitu sangat-sangat lumayan, pihak peniaga dadah akan mencari berbagai-bagai jalan untuk melepaskan diri dari ditangkap dan jika tertangkap tidak akan dikenakan penalti maksima. Salah satu jalanraya ialah menyesuaikan berat dadah yang dibawa dan diedarkan supaya tidak sampai ke tahap berat hukuman maut. Dengan adanya perkara (d) dan (g) yang menyebut tentang berat sepadu beberapa jenis dadah yang dibawa maka masalah ini mungkin dapat diselesaikan atau diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Fasal 5 yang pada

hemat saya adalah perlu bagi memudahkan pihak berkuasa menjalankan tugasnya untuk membasmi penyalahgunaan dadah ialah kerana kegiatan pengedar dadah telah semakin menjadi begitu profesyenal, licin dan teratur. Dalam keadaan begini pihak berkuasa membasmi dadah perlulah mengubahsuai taktik dan cara penyiasatan mereka dan dengan adanya Fasal 5 ini penerangan under cover agent kita, dengan izin, yang terpaksa bersubahat kadangkala untuk mengesan pengedaran dadah sudah boleh digunakan atau dipercayai penerangannya dalam kes-kes pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu tentang kesungguhan dan usaha-usaha pihak Kerajaan dalam usaha membasmi dadah hingganai perkataan dadah menjadi satu perkataan yang begitu popular dalam vocabulary Bahasa Malaysia. Tetapi apa yang perlu kita kaji ialah keberkesanan usaha-usaha kita itu sama ada mencapai sebahagian besar matlamatnya jika dibandingkan dengan tenaga dan pelaburan kewangan yang dibelanjakan dalam usaha tersebut. Kempen-kempen anti dadah, khususnya kempen-kempen anti dadah yang dilakukan oleh RTM dan lain-lain mass media adalah sangat-sangat memuaskan, tetapi mungkin sudah sampai masanya kita menukar approach yang kita buat pada masa ini kerana pada masa ini saya perhatikan tumpuan kita adalah lebih kepada menerangkan tentang bahaya dadah kepada orang ramai. Mungkin sudah sampai masanya kita menekankan kepada approach untuk menakut-nakutkan atau untuk menjadikan akibat dari penagihan dadah dan akibat dari menjalankan perniagaan dadah itu supaya orang akan bertambah takut dan ngeri. Walaupun kempen anti dadah begitu luas seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas

tadi penglibatan orang ramai dalam usaha menerangi dadah belum lagi sampai ketahap yang memuaskan. Walaupun kita semua sedar tentang bahaya dadah tetapi tidak ramai di kalangan kita yang merasa bertanggungjawab sama untuk membasmi kegiatan penyalahgunaan dadah. Mungkin perkara inilah yang patut ditumpukan oleh pihak yang berkuasa iaitu mencari satu sistem di mana orang ramai menjadi lebih bertanggungjawab dan lebih suka untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha sukarela PEMADAM sahaja dan dengan usaha-usaha pihak berkuasa khususnya pihak Polis anti dadah, pihak Kastam dan sebagainya kerana bidang pelakuan anti dadah ini begitu luas dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu pihak mass media khususnya pihak akhbar perlulah bekerjasama dengan memperbesarkan berita-berita penangkapan penagih-penagih dadah lebih-lebih lagi pengedar, pengimport dan siapa-siapa sahaja yang terlibat dalam perniagaan dadah.

Saya juga ingin menyeru supaya Kerajaan memperkuat lagi pihak Polis anti dadah bukan sahaja dari segi menambah anggotanya tetapi juga dari segi latihan dan peralatan. Begitu juga halnya dengan agensi-agensi lain yang terlibat sama seperti pihak Kastam dan Imigresen kerana dari laporan-laporan akhbar pihak peniaga dadah sekarang ini telah ada yang memproses dadah di tengah lautan. Laporan akhbar yang menyebut tentang bot-bot Kastam tersadai tidak digunakan akibat sebab-sebab kecil yang remeh temeh, umpamanya tidak ada peruntukan untuk membeli disel, mestilah diambil berat kerana kelemahan-kelemahan sebegini sudah tentu akan digunakan sepenuhnya oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.34 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang ada di dalam Akta yang asal supaya memperluaskan tafsiran kepada istilah dadah seperti plug up the loop-holes, dengan izin. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan yang kebelakangan ini Dewan yang mulia ini telah meluluskan suatu Akta Dadah Berbahaya yang memberikan kuasa yang luas kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan yang keras tentang penagih dan penjual dadah. Tentulah tidak dapat dinafikan bahawa penyalahgunaan dadah telah menjadi satu masalah sosial yang terbesar di dalam negara kita. Sebenarnya penyalahgunaan dadah telah menjadi satu wabak (epidemic) walaupun Akta yang sangat keras telah berkuatkuasa dalam beberapa bulan yang lepas.

Mengikut satu laporan rasmi, Tuan Yang di-Pertua, di antara 14,000 orang yang dipenjarakan di seluruh Malaysia sekarang adalah kurang lebih 6,500 orang daripadanya ataupun 50% ialah penagih-penagih dadah. Apa yang harus diingatkan terhadap masalah sosial ini ialah bahawa dadah bukan bahan-bahan yang merosakkan kesihatan badan sahaja bahkan mengancam, memusnah semangat dan moral manusia, lebih daripada penyakit biasa, penagihan dadah menggerang pemuda dan anak-anak kita yang patut akan menjadi pemimpin-pemimpin masa hadapan. Oleh kerana dadah melemahkan kehormatan diri sendiri

pemuda kita setelah mematahkan semangat perjuangan mereka untuk memberi sumbangan kepada usaha pembinaan negara kita, dadah adalah musuh negara yang utama.

Langkah-langkah perundangan sebenarnya sangat penting supaya mengawal dan mengatasi masalah ini akan tetapi hukuman yang berat, hukuman mati di bawah Undang-undang Dadah boleh memainkan perasaan sebagai deterrant sahaja. Dan di seluruh dunia ini tidak ada sesiapa pun dapat pastikan bahawa sama ada hukuman mati boleh atau tidak boleh digunakan sebagai deterrent untuk mencegah orang-orang daripada kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang. Walaupun Akta Dadah Berbahaya telah diluluskan, yang telah dikuatkuasakan akan tetapi sekarang masalahnya masih ada. Saya harapkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya nanti akan memberi angka-angka berkenaan dengan kemajuan yang dicapai setelah kempen anti dadah telah dilaksanakan, misalnya beberapa kes-kes tahanan telah dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu bilangan penagih-penagih dadah seluruh Malaysia jumlahnya buat masa sekarang dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek dalam konteks masalah kesalahgunaan dadah ialah aspek pemulihan penagih-penagih dadah. Akta Dadah Berbahaya yang asal telah membuat peruntukan-peruntukan untuk pembinaan dan pengurusan kemudahan bagi penagih-penagih dadah. Walau bagaimanapun, banyak soalan-soalan masih ada dan haruslah dijawab. Misalnya sejauh manakah rancangan pemulihan telah mencapai kejayaan untuk memulihkan penagih-penagih dadah supaya menjadikan mereka sebagai warganegara yang

baik? Adakah benar kadar pemulihan penagih (rate of rehabilitation) kurang memuaskan?

Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedar bahawa walaupun penagih-penagih dadah telah ditahan dalam Pusat-pusat Pemulihan tetapi mereka masih mendapatkan dadah daripada punca-punca yang lain dan ini adalah satu kelemahan yang mestilah diatasi. Maka oleh kerana penagih-penagih dadah bukan penjenayah yang biasa, bukan dapat dibandingkan dengan seorang yang telah membunuh orang, bahkan mereka adalah sejenis pesakit dan mereka adalah victims juga dan dengan yang demikian, kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai di dalam Pusat-pusat Pemulihan Penagih-penagih Dadah mestilah dilatih menerusi rancangan yang khas supaya mereka dapat mempunyai sikap yang sesuai dan kelayakan-kelayakan yang sesuai untuk membantu penagih-penagih dadah dan jikalau Kerajaan akan melaksanakan rancangan pemulihan sementara menggunakan pegawai-pegawai biasa sahaja seperti yang ada sekarang di dalam penjara-penjara dan saya bimbang mungkin penagih-penagih dadah tidak akan membuang penagihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah perundangan adalah wajar. Tetapi tanpa langkah-langkah pentadbiran yang berkesan, undang-undang sendiri tidak dapat mencapai apa-apa kejayaan dalam usaha kita untuk membasmi dadah.

Dalam hal ini saya berpendapat bahawa orang yang bersalah dalam hal ini bukan penagih-penagih sahaja tetapi penjual-penjual dadah khususnya sindiket-sindiket yang besar. Mereka menjual dadah, mengedarkan dadah untuk mendapatkan keuntungan besar bagi diri mereka sendiri dan ketamakan

mereka menghasilkan satu masalah masyarakat yang mengancam kerosakan masyarakat, dan kelobaan mereka memusnahkan semangat dan jiwa raga pemuda dalam negara kita. Saya berpendapat bahawa tindakan keras haruslah diambil terhadap mereka dan kita jangan lupa masalah dadah bukanlah satu kelakuan tempatan sahaja. Usaha untuk membasmi dadah adalah satu hal yang melibatkan tanggungjawab dan kerjasama antarabangsa kerana trafik dadah adalah urusan haram yang melibatkan sindiket-sindiket antarabangsa. Mereka tidak mengeluarkan poppy untuk menghasilkan morfin ataupun opium. Oleh yang demikian negara-negara penghasil poppy seperti Turkey dan ketiga-tiga negara di Golden Triangle iaitu Burma, Thailand dan Laos haruslah mengambil perhatian yang serius supaya bertanggungjawab diri sendiri dan memberi kerjasama kepada agensi-agensi antarabangsa yang bertanggungjawab untuk mengawal dan menghapuskan trafik dadah antarabangsa.

Akhirnya, walaupun langkah-langkah perundangan adalah wajar tetapi jikalau pihak Kerajaan tidak ada cukup jentera, tidak cukup punca-punca untuk mengatasi masalah ini, langkah-langkah perundangan walaupun ianya sangat keras pun tidak ada berkesan. Kita sekarang boleh menyaksikan bahawa dalam negara kita penjara-penjara adalah dibanjiri dengan penagih-penagih dadah, 50% seperti yang saya katakan tadi, dan mahkamah juga dibanjiri dengan kes-kes dadah. Seperti yang kita semua sedar "Justice delayed is justice denied". Jikalau jentera Kerajaan untuk menemui cabaran yang baru ini untuk mengatasi masalah dadah ini, jikalau kita ingin bertanggungjawab dengan sikap yang jujur, ikhlas untuk mengisytiharkan satu perang "go out on the offensive" tentang dadah itu, kita akan memberi lebih perhatian

kepada urusan untuk memperbaiki, membesarkan mengembangkan jentera Kerajaan dalam bidang pentadbiran dan Judiciary.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kita menentang ancaman dadah adalah satu perjuangan yang jangka panjang. Kempen Anti-Dadah baru dimulai, kita haruslah sedaya upaya memobilise semua punca-punca negara kita supaya anak-anak kita dapat dibebaskan daripada "scourge of human civilisation" dan walaupun tidak ada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini menyertai di dalam jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan, akan tetapi jikalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyertai dan memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat pada amnya, contohnya dalam kawasan masing-masing, saya percaya dan saya harapkan satu hari akan sampai pada tahap dadah dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.45 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang selalu kita dengar cakapan cakapan-cakapan dari boleh dikatakan tiap-tiap ibu bapa yang mereka sangat-sangat bimbang dengan anak-anak mereka baik lelaki atau perempuan dengan perkara dadah ini. Asalkan lambat sahaja anak-anak itu balik ke rumah, runsinglah ibu-bapa tadi.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit ini boleh dikatakan satu penyakit masyarakat moden. Kalau dahulu kita tidak pernah dengar, sekarang bukan

sahaja kita dengar tetapi kita tengok sendiri anak-anak bukan sahaja daripada anak-anak yang miskin tetapi di kalangan orang-orang yang sederhana pendapatannya, daripada anak-anak orang kaya dan hartawan dan juga daripada anak-anak orang yang berpangkat.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak yang jadi penagih dadah ini atau suka hendak menghisap dadah atau suka hendak bercampur dengan kalangan-kalangan ini adalah mungkin daripada anak-anak yang pernah keciwa yang tidak dapat kasih sayang daripada kedua-dua ibu bapa, risau dengan rumahtangga yang tidak tenteram atau diajak-ajak oleh kawan-kawan dan dipengaruhi oleh kawan-kawan yang telah menjadi penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, di Sungai Petani Kerajaan telah membangunkan sebuah Pusat Pemulihan Dadah yang tersergam dan besar, tetapi kalau tidak salah saya tidak ada bekalan api dan air lagi di bangunan itu dan tidak pula dimasuki oleh penagih-penagih yang kita agak kalau diisi boleh ditempatkan saya ingat dengan bangunan yang begitu besar, mungkin beribu-beribu penagih-penagih dapat ditempatkan di situ. Tetapi oleh kerana mungkin tidak siap lagi 100% maka anak-anak tadi tidak dibawa ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah orang berpendapat buat apa kita siapkan pusat-pusat pemulihan dengan begitu banyak, biarkan sahaja penagih-penagih ini dihantar ke pulau-pulau yang jauh-jauh supaya mereka ini dibiarkan begitu. Jadi pada pendapat saya bual-bual yang begini adalah tidak berasas. Apa yang dibuat oleh Kerajaan iaitu mengadakan pusat-pusat pemulihan, memulihkan kembali anak-anak muda ini adalah satu perkara yang sangat-sangat baik dan kita tahu anak-anak ini adalah manusia yang mana akan menjadi orang-orang yang baik kalau dapat

pemulihan dengan secara yang teratur. Jadi kalau macam setengah-setengah orang itu kata biar kita hantar ke sana-sini, saya sebagai ibu tidak menyokong. Anak-anak ini bukan anak-anak ayam tetapi anak-anak manusia, tambahan pula kita sekarang ini hendak banyakkkan lagi penduduk-penduduk hingga 70 juta. Kalau anak-anak muda ini beribu-ribu dimusnahkan di sana, tidak dipulihkan kembali, alangkah ruginya kita pada masa hadapan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta tadi iaitu dengan adanya hukuman yang berat iaitu hukuman mati, perkara ini adalah satu perkara yang menakutkan kepada pengedar-pengedar dan pembawa-pembawa dadah yang mana mengikut jumlah-jumlah yang tertulis dalam Akta tadi dengan bilangan-bilangan yang banyak akan dikenakan hukuman mati dan juga yang kurang bilangan tadi akan dipenjarakan seumur hidup dan sebat dengan rotan kepada anak-anak tadi. Bagi saya sebagai ibu rasa sedih, bukan kata hendak hukum anak-anak tetapi saya lihat di TV, kadang-kadang saya nampak iklan di TV pula bawa anak muda dengan digiri tangan, bawa pula anak itu dan seorang itu ditolak, ini sangat menyedihkan saya. Tambahan pula saya tengok tali gantung, dengan tengok tali gantung sahaja, kalau boleh saya tidak mahu tengok lagi. Tidakkah patut bagi TV buat gambar lain daripada tali gantung. Sebagai ibu alangkah susah hendak mendidik anak, tambahan pula tengok tali gantung begitu, ini sangat-sangat mengerikan. Kalau bolehlah TV letakkan gambar lain daripada tali gantung itu. Oleh kerana saya rasa dadah ini telah menjadi satu penyakit masyarakat, wajarlah masyarakat bersama-sama Kerajaan bekerjasama supaya penyakit dadah boleh dibasmikan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Walaupun pihak Kerajaan berusaha dengan begitu kuat untuk menghapuskan dadah kalau rakyat tidak bekerjasama saya rasa susah. Kalau hendak dikatakan tidak cukup kakitangan atau pihak-pihak berkuasa, saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang penting satu perkara yang boleh kita katakan perosak anak-anak kita di masa depan saya sungguh berterima kasih dan menyokong ke atas Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dari segi teknik kerana walaupun pengtakrifan yang ada di sini adalah lebih baik daripada asalnya, akan tetapi kerana perkembangan sains, cara-cara yang baru untuk membuat morfin atau substitute yang baru sedang diusahakan oleh penjenayah-penjenayah. Di sini saya hendak bertanya sama ada Kementerian ada mempertimbangkan ubat-ubatan seperti "padedine" dan "hydrocodine" ini juga mempunyai kesan-kesan seperti morfin dan heroin dan juga pada tempoh hari satu ubat yang baru "natural pain killer" seperti "endorphin" salah satu jenis kimia yang diwujudkan oleh badan kita sendiri dan sekarang usaha-usaha sedang dibuat oleh ahli-ahli sains untuk membuat "endorphin" ataupun gantinya untuk maksud mengubati orang-orang yang sakit.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya, kesan morfin ke atas sel urat saraf yang tertentu yang boleh menghilangkan sakit, kerana itu mudahlah bagi seorang manusia untuk menjadi penagih kerana ketagihan untuk mengurangkan sakit dari segi mental ataupun dari segi tubuh badan. Dengan demikian bahan-bahan kimia yang lain yang juga mengadakan kesan

yang serupa misalnya dengan kimia yang saya sebutkan tadi "endorphin" ini pun ada kesan yang serupa atas sel urat saraf dan kerana terdapat banyak lagi bahan-bahan seperti ini yang dipanggil "neuro-transmitter" yang boleh menggantikan morfin di masa hadapan. Sebab itu saya mencadangkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri meneliti dan mempertimbangkan bahan-bahan seperti yang saya sebutkan tadi untuk dimasukkan di dalam Rang Undang-undang.

Satu perkara lagi yang saya nampak tidak cukup kaedah untuk menjamin kegunaan ubat-ubatan seperti morfin yang masih digunakan di bidang perubatan dengan luas, saya tidak nampak kaedah-kaedah yang boleh menjamin bekalan kepada doktor-doktor. Ini haruslah diteliti oleh Kementerianya supaya tidak mendapat kekurangan untuk kegunaan yang baik.

Akhir sekali bagi Fasal 5 yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar serta dari Jelutong iaitu dengan agen provocatuer mudah boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berniat jahat. Pihak-pihak yang berniat jahat bukan sahaja wujud di masyarakat umum bahkan juga di dalam Kementerian ataupun di badan-badan yang lain. Sebab itu saya berpendapat agen provocatuer ini hendaklah dihadkan kepada pegawai-pegawai yang berpangkat agak tinggi supaya tidak melakukan kesalahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.58 ptg.

Tuan Ibrahimo Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih

kerana bersama-sama mengikuti membahaskan dalam Akta Dadah Merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawasanya Kerajaan telah bersungguh-sungguh menghadapi untuk membasmi penagih-penagih dadah di Malaysia ini. Oleh yang demikian sudah begitu lama bertahun-tahun pihak Kerajaan telah bersungguh mencari jalan dan berusaha untuk menghapuskan dadah. Tetapi dari hari ke sehari tidak sangat begitu mendapat perubahan yang jelas yang menjadi tanda-tanda bahawa di Malaysia ini akan tidak ada dadah sama sekali dalam segi penagihan-penagihannya.

Yang demikian boleh jadi di antara saluran-saluran yang telah dijalankan itu tidak begitu tepat dan tidak begitu kena pada masa dan keadaan. Dengan yang demikian, rasa saya dalam segi penagih-penagih dadah di tanahair kita ini, sekiranya dikira dengan banyaknya tempat-tempat pemulihan dan banyaknya perbelanjaan-perbelanjaan yang telah diselenggarakan, dan banyaknya penagih-penagih yang telah dipulihkan, maka dengan itu sudah menjadi tanda seolah-olah penagih-penagih dadah ini berkurangan, akan tetapi dari segi jumlah penagih-penagih dadah di Malaysia ini begitu banyak dengan keadaan surutnya itu tidak berpadanan.

Satu-satu daripada sebab-sebabnya ialah penagih-penagih itu apabila sahaja dipulihkan ataupun dihantar kepada Pusat-pusat Pemulihan, tetapi apabila dikeluarkan daripada tempat pemulihan itu balik ke kampung masing-masing, mereka memulakan hisap dadah semula, maka ini seumpama air pasang surut. Mula-mula sudah surut tetapi pasang kembali, maka sekiranya berkekalan surut pasang-surut pasang memberi erti kisah dadah harus tidak akan berkeputusan di Malaysia ini.

Hari ini patut Kerajaan memikirkan bagaimana supaya jangan menjadikan surut pasang-surut pasang, biar sentiasa surut berertinya penagih-penagih yang telah dipulihkan tidak kembali lagi kepada menghisap dadah. Ini patut dikaji cara-cara bagaimana untuk supaya mereka jangan menghisap ataupun jangan kembali lagi kepada hisap dadah. Rasa saya kalau setakat hanya mereka berhenti hisap dadah dengan ubat dia akan kembali lagi, tetapi rasa saya mereka akan berhenti daripada menghisap dadah dengan melalui keinsafan-keinsafan iaitu dengan melalui fikiran-fikiran yang waras, yang membawakan mereka insaf betul-betul. Jadi hari ini kita mencari jalan bagaimana supaya penagih-penagih ini insaf.

Di Terengganu saya sendiri tengok dengan mata kepala saya sendiri dan saya kenal di antara orang-orang yang penagih dadah. Sekejap saya tengok tidak ada, sebulan dua tidak ada, tanya-tanya ke mana? khabarnya ke Tempat Pemulihan, sehari dua lagi ada pula, 15 hari lagi tidak ada, 20 hari ada pula, begitu keadaan. Jadi kalau macam itu bila hendak habis dadah di Malaysia ini, bila hendak hilang ketagihannya itu? Maka hari ini perkara itu patut kita kaji.

Satu daripada jalan agak saya menasabah juga. saya pernah menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi saya sudah lupa bila iaitu tahun lepas kalau tidak silap supaya Kerajaan mengadakan sekolah-sekolah khas untuk mereka, apabila diambil mereka atau ditangkap mereka, dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan, kemudian jangan dibenarkan mereka balik, tetapi yang ada sekarang, apabila sudah lama duduk dalam Pusat Pemulihan, maka doktor pun periksa air kencing, apabila didapati air kencing sudah pulih, baik, dilepaskan balik ke rumah. Inilah yang jadi berulang-ulangnya, maknanya orang itu juga, bahkan apabila dia keluar datang pula

kawan, bagaimana dalam tempat pemulihan? Oh bagus! Makan cukup, tengok aku gemuk betul, makan bagus, semua ada, jadi tidak ada siapa gerun, gerun itu tidak ada, insaf itu tidak ada, pergi pula kepada penerangan-penerangan ataupun nasihat-nasihat dalam televisyen, malam-malam mengenai "Tegah Sebelum Parah" kemudian adalah gambar budak yang duduk atas sutoh, duduk atas rumah berapa tingkat rumah kemudian entah macam mana melayang ke bawah. Itu ya juga, bukan tidak ya. tetapi macam main-main, main-main namanya itu. Orang berlakun filem "cowboy" pun ada cara itu. itu tidak ada rasa takut langsung kepada orang-orang penagih, tidak ada takut dan ibu-ibu mereka pun tengok tidak menjadi kesan apa-apa, bukan semua anak aku, mana hendak naik atas rumah tinggi itu duduk di kampung katanya, tidak ada pula naik rumah tinggi dan duduk dekat bakul-bakul sampah, anak aku tidak sampai ketaraf itu kata ibu masing-masing, itu yang sudah gila-gila sangat.

Rasa saya satu daripada molek juga dalam televisyen ada orang-orang yang bijak pandai, pakar-pakar yang boleh memberi pandangan, nasihat sama ada melalui ugama atau sebagainya, beri pandangan mengenai azab Allah hari akhirat, bagaimana mereka ini, bukan setakat azab kepada anak yang terlibat kepada penagih dadah, akan tetapi terlibat kepada ibu bapa yang tidak pandai menjaga anak, apa hukuman Allah di hari akhirat akan datang. Apa hukuman di dalam kubur dan apa pula hukuman di dunia ini. Jadi orang-orang yang pakar-pakar memberi pandangan atau syarahan-syarahan. Begitu juga melalui khutbah-khutbah Jumaat disalurkan, begitu juga pendakwah ugama bersyarah selain daripada menceritakan fasal sembahyang, puasa dan sebagainya menceritakan tentang azab Allah kepada mereka yang membiarkan

anak-anak, tidak menjaga anak-anaknya dengan sebaik-baik penjagaan. Maka dengan itu satu daripada pandangan kepada ibu-ibu bapa masing-masing untuk menjaga anak-anaknya, kembali kepada cara untuk menginsafkan ataupun supaya berhentikan langsung penagih-penagih dadah supaya dia jangan lagi akan mengulangi menghisap dadah.

Hari ini tempat-tempat pemulihan bercampur di mana-mana penjara ataupun hospital, ibubapanya boleh datang, kawan-kawannya boleh datang, bertemu dan sebagainya, pernah apabila dilawati tempat-tempat pemulihan, dengan senyum manis orang yang di dalam tempat pemulihan itu bercakap walaupun secara jauh, jadi nampaknya dalam tempat pemulihan tidak ada sebarang dukacita langsung kepada orang-orang yang dipulih itu. Ini kita mahu bagaimana supaya dia insaf.

Rasa saya elok sekiranya Kerajaan buat tempat-tempat pemulihan ini di pulau-pulau yang tidak boleh dengar khabar langsung, perkara hal adik-adiknya, perkara hal ibubapanya, perkara hal kawan-kawannya, dia tidak dengar cerita langsung, surat tidak ada, berita tidak ada langsung, seolah-olah dia kena buang. Ini membawa kepada air mata, memilih air mata rindu kepada emak ayahnya, rindu kepada kawan-kawannya, rindu kepada adik-beradiknya, ia akan berkata hamba sesal di atas perbuatan hamba ini. Kerana daripada insaf lah seseorang akan berhenti sesuatu yang dilakukan perkara yang tidak diinginkan oleh ugama, oleh Allah, oleh masyarakat, oleh negara sama seperti seorang pencuri, dia tidak akan berhenti mencuri setakat hanya kena jel. Pencuri-pencuri kata jel itu rumah saya, saya tak hairan langsung, tetapi melalui insaf dia boleh berhenti daripada mencuri. Seseorang buat dosa dia boleh berhenti daripada dosanya apabila dia insaf, kalau tidak insaf, tak akan berhenti.

Maka begitulah dadah, dia tidak akan berhenti sekiranya dia tidak insaf. Maka cara-cara untuk menginsafkan itu. Maka rotan itu satu daripada caranya juga tetapi kesannya tidak begitu lama, yang lebih lama macam saya katakan tadilah, rasa saya di pulau-pulau tak ada dengar khabar langsung oleh kawan-kawan. Begitu juga kalau sekiranya ada kawan-kawan atau siapa-siapa hendak bawa pergi dadah ke situ dari jauh sudah nampak dia pergi dengan sampan ataupun dia pergi dengan berenang, dari jauh orang sudah nampak. Tidak dibenarkan siapa-siapa datang ke pulau itu melainkan pihak-pihak yang berkenaan sahaja, doktor-doktor, polis dan sebagainya sahaja. Berertinya kalau tertimbul di dalam tempat pemulihan di pulau tadi terdapat adanya dadah di dalamnya senang kita boleh cekup kerana orang yang datang itu hanya sebilangan sahaja, kita tahu siapa yang datang.

Akan tetapi, hari ini dadah merebak di merata-merata. Dalam Pasukan Keselamatan pun ada terlibat dadah dan dalam askar-askar pun ada pada hal orang inilah, polislah yang dinamakan Pegawai Keselamatan, bukan ertinya Pegawai Keselamatan hanya keselamatan orang bertumbuk, keselamatan menyekat orang berkelahi, keselamatan menyekat daripada kemasukan komunis dan sebagainya ataupun pencerobohan dalam negara, bukan itu sahaja. Memberi erti bahawasanya kalau sekiranya di dalam polis ataupun di dalam askar ada kes-kes dadah, memberi erti mereka itu sudah pecah amanah, maka ke manakah kita hendak letak amanah ini, kalau pagar sendiri sudah makan padi kepada siapa yang kita hendak harap?

Dengan itu, hari ini banci-banci penagih ada dalam tangan Kerajaan berapa banyak, oleh itu kesemua ini diambil. Dalam masa tempoh 6 bulan, 3 bulan kalau umpama kata ada

50,000, 50,000 akan ambil kesemua sekali dengan tidak ada langsung pertimbangan yang lebih baik daripada itu. Ertinya ambil kesemua sekali, kalau 100,000, 100,000 sekali serentak, maka dihantar ke pulau atau ke tempat mana-mana yang sesuai jauh sedikit daripada manusia, walaupun tidak di pulau tetapi jauh sedikit daripada orang yang boleh berhubung sama sekali. Maka ini satu daripada cara.

Yang kedua, pengedar-pengedar. Tentu sekali ada penghisap tentu ada pengedarnya, kalau tidak di mana mereka hendak ambil? Dengan yang demikian, pengedar-pengedar ini tentu sekali mengambil dadah ini daripada negara-negara lain seperti negara jiran dan sebagainya. Elok benar pihak Kerajaan buat satu perjumpaan rasmi dengan negara-negara jiran, pihak yang berkenaan umpama pucuk pimpinan negara-negara jiran bermuafakat ataupun mencari jalan bagaimana untuk menolong kita supaya pihak Kerajaan negeri-negeri sempadan, pihak Kerajaan itupun bekerjasama menolong kita dengan memperkuat dan memperketatkan kastam-kastam masing-masing dengan secara minta kerjasama. Kalau sekiranya cara itu, rasa saya pihak negeri sempadan bersungguh-sungguh menahan daripada kemasukan dadah ke negara kita dengan kuatkuasa yang dikuasakan oleh pihak Kerajaan mereka.

Selain daripada itu, kita mestilah menghadkan masa. Ertinya, insya Allah dalam masa 4 tahun kita habiskan, apa cara sekalipun, dengan secara begitu tegas apa cara sekalipun kalaulah benar-benar kita anggapkan bahawasanya dadah ini satu musuh yang paling bahaya ataupun sebagai musuh utama kepada negara. Maka untuk mendapatkan penagih-penagih itu ke tangan kita tak usahlah hanya melalui polis-polis sahaja sebab polis-polis sendiri pun yang tidak

beruniform ada di antaranya yang kelabu mata dengan \$100, \$200, \$300, \$1,000, masing-masing kelabu mata dengan itu. Umpama pada saya ada dadah, saya nampak CID hendak pegang saya, saya hulur \$2,000, \$3,000, apabila sudah nampak wang itu banyak di manakah hendak letaknya perasaan mahu pegang amanah yang betul-betul.

Oleh yang demikian, rasa saya elok pihak Kerajaan melalui PEMADAM menubuhkan tiap-tiap beberapa kampung ataupun desa diberi kuasa kepada orang kampung sendiri seperti cari orang-orang yang bengkek-bengkek ataupun orang handal-handal ataupun orang-orang yang dianggapkan samseng-samseng dalam kampung itu kita lantik dia dengan rasminya untuk mencari, pegang orang-orang dalam kampung tuan sendiri, ambil, siasat, cari untuk serahkan kepada Kerajaan. Dalam sebuah kampung tuan ini misalnya 5 orang terdiri daripada orang handal-handal ini berkewajipan, maka terhadap orang ini misalnya sekiranya tuan boleh habiskan dalam sekitar kampung tuan ataupun desa tuan ini Kerajaan akan beri hadiah. Apa hadiahnya itu tak payahlah kita tentukan ataupun hendak ditentukan. Jadi ertinya orang kampung sendiri bertanggungjawab mencari orang hal dalam kampung dia sendiri serah kepada pihak Kerajaan, tetapi hari ini hanya serah kepada pihak polis itu terdiri daripada sama ada beruniform atau tak beruniform. Dengan yang demikian, penagih-penagih sendiri sudah tahu di antara CID itu, kenal itu orangnya, dia sudah kenal. Tetapi, kalau sekiranya terdiri daripada orang-orang kampung dia sendiri bertanggungjawab dalam perkara ini, terutama sekali dia segan, yang keduanya banyaklah perkara-perkara yang boleh menghabiskan itu. Itu satu daripada jalan.

Maka inilah rasa saya selain daripada kita memikirkan atau

berjalan dengan apa yang telah ada, kita cubalah mencari jalan apakah caranya supaya penagih-penagih ini insaf dan apakah caranya supaya kita akan dapat memungut kesemua sekali. Apabila pungut semua sekali bagaimanalah si pengedar-pengedar hendak jual kepada siapa, tentu sekali tidak ada tempat mereka hendak jual.

Saya rasa dalam soal dadah ini tidak perlu dan tidak patut bagi pihak Kerajaan timbang rasa sama sekali. Maka itulah sahaja pandangan-pandangan saya petang ini, wabillahitaufik. Terima kasih dan saya sokong di atas Akta Pindaan Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi ucapan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang baru sahaja dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berpendapat bahawa kebanyakan daripada Ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah pemulihan, walhal masalah pemulihan tertakluk di bawah Akta yang berlainan iaitu Akta Pemulihan Penagih Dadah 1983. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana ini menunjukkan kebanyakan daripada Ahli Yang Berhormat menaruh minat dan ingin berucap untuk memberi sokongan kepada kempen yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri awal tahun sudah untuk mencegah penyalahgunaan dadah di negara kita ini dan mengambil langkah-langkah untuk

memulih mereka yang telah pun terlibat dalam menyalahgunakan dadah di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan tentang masalah pusat pemulihan juga dan di sini saya ingin menyatakan bahawa memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk membina di tiap-tiap negeri di negara kita ini sebuah pusat pemulihan dadah dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa dalam tahun ini juga 2 buah lagi pusat pemulihan akan dibina iaitu satu di Merchong, Pahang dan satu lagi di Perlop di Perak. Pusat pemulihan yang terdapat sekarang di Sungai Petani yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah pun siap dan dijangka akan dibuka dengan rasminya awal tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada menyentuh tentang keraguan beliau berkenaan dengan pindaan yang mana dipinta untuk dimasukkan satu seksyen yang baru iaitu seksyen 40A. Ingin saya menyatakan di sini bahawa seksyen yang baru ini menghendaki kenyataan yang dibuat oleh seorang agen provocateur diterima sebagai keterangan kerana tanpa peruntukan ini sebarang keterangan atau kenyataan yang dibuat oleh seorang agen provocateur tidak boleh diterima oleh sebab dia ditahan oleh seksyen 113 CPC yang terdapat sekarang kerana di bawah seksyen tersebut kenyataan mestilah dibuat kepada seorang pegawai yang berpangkat inspector ataupun yang lebih tinggi pangkat daripada itu. Walau bagaimanapun, keterangan dibuat itu mestilah dibuat dengan cara sukarela. Lagikan pula sepertimana Yang Berhormat sedia maklum walaupun keterangan yang dibuat diterima dan dipasti telah dibuat secara sukarela, ini tidak semestinya boleh diterima oleh

mahkamah sebagai kenyataan yang betul. Ini terpulang kepada mahkamah untuk menimbang iaitu terpulang kepada hakim yang menjalankan pembicaraan itu.

Saya ingin memberi akuan ataupun jaminan kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa setiap orang yang dihadapkan di mahkamah di dalam Akta Dadah Berbahaya ini di mana keterangannya akan diterima, mengikut seksyen yang baru akan diberi jaminan yang seelok-eloknya oleh mahkamah kerana bukanlah tujuan Kerajaan untuk meminda Akta yang terdapat untuk menganiayakan sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya ini melibat hanya dua, tiga perkara sahaja. Pertamanya berkenaan dengan pentafsiran perkataan "opium poppy" dan juga "candu mentah" yang terdapat di dalam Akta sekarang.

Saya tak menafikan dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa pindaan ini terpaksa dibuat akibat keputusan kes yang dijalankan di Mahkamah Tinggi Kangar tetapi pihak Kerajaan mesti dari masa ke semasa jika perlu meminda undang-undang kita supaya pihak penjenayah tidak boleh mencari keuntungan ataupun berlindung di belakang undang-undang yang tidak begitu kemas.

Mengikut tafsiran yang dahulunya, opium poppy didatangi oleh dua jenis pokok dan candu mentah didatangi dari satu jenis pokok. Maka dalam pindaan yang dicadangkan ini adalah dicadangkan bahawa takrif opium poppy dipinda untuk meliputi semua jenis pokok poppy yang boleh mengeluarkan bahan yang mengandungi morphine dan takrif candu mentah sebagai getah daripada buah poppy yang mengandungi morphine.

Satu lagi pindaan yang amat mustahak iaitu berkenaan dengan monoacetylmorphines. Tidak terdapat dalam undang-undang kita sekarang yang mengatakan bahawa monoacetylmorphines jika dimiliki oleh sesiapa yang melebihi 15 gram akan dianggap sebagai seorang pengedar dadah. Pada anggapan pihak Kerajaan ini tidaklah begitu adil kerana jika seseorang itu didapati memiliki 15 gram heroin ataupun lebih dia dianggap sebagai seorang pengedar dadah, walhal monoacetylmorphines merupakan satu bahan dadah yang begitu merbahaya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sekalian Ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberikan pendapat mereka tentang pemulihan khususnya dan beberapa perkara untuk memerangi wabak dadah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang telah berucap begitu panjang. Kerajaan memang sedar bahawa tanpa sokongan daripada rakyat jelata dan juga penyertaan secara aktif dan positif daripada rakyat maka segala usaha-usaha kita untuk memerangi wabak dadah ini tidak akan berjaya. Oleh itu Kerajaan bercadang supaya mengadakan kempen yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat tahun sudah sebagai satu acara tahunan.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang peranan PEMADAM. Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah keahlian PEMADAM sekarang ini tidak begitu menggalakkan. Hanya terdapat lebih kurang 34,507 orang sahaja termasuk lebih sedikit sahaja 2,000 orang ahli PEMADAM seumur hidup. Saya inginlah merayu melalui ucapan saya ini supaya banyakkah lagi orang

ramai tampil ke hadapan menjadi bukan sahaja ahli PEMADAM tetapi memberi sokongan melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela lain supaya kita boleh menghadapi wabak dadah ini dan insya Allah akan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja ucapan saya untuk menjawab. Bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa segala teguran yang diberi memanglah dicatatkan dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengeruskan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

(I) PERUNTUKAN \$100,000 KEPADA AHLI-AHLI PARLIMEN BARISAN NASIONAL

6.36 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membangkitkan perkara mengenai peruntukan \$100,000 kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bagi projek-projek kecil. Semenjak tahun 1975 Kerajaan Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan wang bagi projek-projek kecil berdasarkan cadangan-cadangan oleh Ahli-ahli Parlimen bagi faedah kawasan-kawasan pilihanraya mereka.

Peruntukan untuk setiap kawasan pilihanraya ditambah dari \$100,000 setahun dalam tahun 1979 dan 1980 kepada \$200,000 setahun dalam tahun 1981. Pada tahun-tahun 1982 dan 1983 peruntukan ini diberhentikan buat sementara waktu.

Mengapakah Ahli-ahli Parlimen Parti-parti Pembangkang tidak diperuntukkan jumlah wang yang sama ini bagi kawasan pilihanraya mereka, walhal wang yang digunakan adalah wang rakyat. Langkah yang begitu adalah diskriminasi dari segi Perlembagaan dan Undang-undang. Ini adalah bercanggah dengan Perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia yang

menentang sebarang diskriminasi. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"Except as expressly authorised by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent or place of birth in any law or in the appointment to any office or employment under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or the establishing or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment".

Selain daripada itu peruntukan yang disediakan untuk projek-projek khas pun tidak diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen Parti-parti Pembangkang, walaupun terdapat peraturan-peraturan kewangan bagi maksud kawalan dan untuk mengesahkan ketetapan perbelanjaan terakhir yang tercatat dalam penyata kewangan, mengapa tidak terdapat sebarang penguatkuasaan sehingga penggunaan wang rakyat begitu kurang bertanggungjawab, di mana jumlah perbelanjaan sebenar di bawah rancangan ini dalam tahun-tahun 1979, 1980 dan 1981 tidak dapat ditentukan.

Penyelidikan terhadap projek-projek yang dijalankan di bawah rancangan ini juga mendedahkan kekurangan pertanggungjawapan awam yang ketara. Pemeriksaan audit telah mendedahkan hakikat bahawa barang-barang yang dibeli berharga \$52,239 untuk 23 projek telah tidak dapat diperakaunkan. Bagi 12 projek yang lain pula barang dibekalkan telah tidak digunakan. Dalam 4 kes di mana pemberian secara langsung berjumlah \$230,000 telah diberi, ianya tidak digunakan oleh badan-badan berkenaan. Dalam beberapa kes lain adalah didapati bahawa wang yang diberi sebagai pemberian langsung telah tidak digunakan untuk projek-projek yang diluluskan.

Saya ingin bertanya berapakah bilangan projek yang telah dicadangkan sejak permulaan rancangan ini dalam tahun 1975 hingga ini dan berapakah bilangan yang telah berjaya serta nilainya dalam bentuk wang? Sebagai Ahli-ahli Parlimen, bukankah mereka mempunyai kewajiban menggunakan wang rakyat dengan bertanggungjawab di antara tahun 1975 hingga sekarang? Berapakah Ahli Parlimen atau mereka yang terlibat dalam rancangan ini telah dihadapkan ke mahkamah kerana kekurangan pertanggungjawapan. Apakah jenis tindakan disiplin yang telah diambil?

Saya menyeru supaya Kerajaan memastikan peruntukan ini tidak disalahgunakan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk mendapat kepopularan atau undi tetapi betul-betul demi kebaikan dan kebajikan orang ramai. Sekian, terima kasih.

6.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan menjawab ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Kerajaan memang ada memperuntukkan peruntukan yang tertentu bagi mengendalikan projek-projek kecil di kawasan Ahli-ahli Parlimen semenjak tahun 1975 tetapi peruntukan tersebut adalah diberikan kepada Pegawai-pegawai Daerah untuk mengendalikannya dan tidak kepada Ahli-ahli Parlimen seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Kepong.

Begitu juga dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa sebanyak \$142 juta yang diperuntukkan khas untuk maksud ini dalam tahun 1981 adalah tidak benar. Jumlah \$142 juta itu sebenarnya adalah jumlah yang telah diluluskan di bawah peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dan daripada jumlah itu sebanyak \$200,000 telah diperuntukkan bagi tiap-tiap kawasan Ahli Parlimen bagi melaksanakan projek-projek kecil yang akan mendatangkan manfaat kepada rakyat. Semua cadangan Ahli Parlimen untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan masing-masing akan dipertimbangkan sewajarnya menerusi Pegawai-pegawai Daerah yang berkenaan.

Selain daripada itu Kerajaan juga ada melaksanakan projek-projek kecil yang lain di bawah peruntukan projek kecil pembangunan luar bandar, pembangunan masyarakat dan peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak \$30 juta.

Kerajaan secara amnya tidaklah menafikan tentang terdapatnya beberapa kelemahan di dalam urusan pelaksanaan berbagai-bagai projek kecil tersebut pada masa-masa yang lepas khususnya pada tahun 1979, 1980 dan 1981 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang konkrit khususnya untuk melaksanakan pengesanan pelaksanaan projek-projek kecil tersebut melalui komputer sedang dilaksanakan.

Begitu juga Kerajaan akan berusaha menentukan supaya seboleh-bolehnya projek-projek kecil yang akan dilaksanakan adalah yang akan memberikan manfaat terus kepada rakyat di kawasan berkenaan seperti projek jalan, jambatan dan sebagainya. Arahan-arahan yang sewajarnya telah pun dikeluarkan kepada pihak-pihak berkenaan di negeri-negeri berkenaan untuk maksud tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan seterusnya, sejak tahun 1975 sebanyak lebih kurang 48,350 buah projek bernilai lebih daripada \$74,094,217.35

telah dilaksanakan di bawah peruntukan khas melaksanakan projek-projek kecil di kawasan-kawasan Ahli-ahli Parlimen.

Semua projek tersebut dilaksanakan atas permohonan rakyat di kawasan berkenaan dan dilaksanakan untuk kepentingan serta kemudahan mereka. Dari segi ini maka projek-projek yang dilaksanakan itu bolehlah dianggap mencapai kejayaan kerana ianya adalah kehendak rakyat sendiri. Sekian, terima kasih.

Setiausaha: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

(2) UNDANG-UNDANG UNTUK MENGISYTIHARKAN HARTA

6.45 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, seharusnya Kerajaan mengenakan Undang-undang memaksa Menteri-menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan mengisytiharkan harta benda mereka.

Tuan Speaker, tidaklah terkejut bahawa semenjak merdeka berulang kali terdapatnya seruan-seruan dalam hal ini khasnya oleh Partai DAP. Adalah logik pegawai-pegawai seperti dalam kategori yang dirujukkan bertanggungjawab memberitahu rakyat nilai harta kepunyaan mereka. Tidak ada perkara jahat dalam permintaan DAP dalam hal ini. Ini akan melarang orang-orang besar itu menggunakan pangkat mereka untuk menjadi kaya sendiri.

Tuan Speaker, tidaklah perlunya satu Kerajaan bertanggungjawab takut dalam mengisytiharkan kekayaan pegawai-pegawainya sendiri. Tidak payah Menteri-menteri, Ahli-ahli Majlis Kerajaan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan itu takut jika mereka tidak terlibat dalam hal mereka terpaksa berlindung.

Tidak ada sebab yang patut ataupun sah bagi sikap Kerajaan dalam hal ini.

Tuan Speaker, pada hari Rabu lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan satu arahan baru mengarahkan semua Menteri Kabinet mengisytiharkan nilai harta benda mereka. Langkah ini tidak cukup, Tuan Speaker, Perdana Menteri sendiri hendak memberi tahu siapa nilai harta bendanya sendiri?

Untuk memberi erti dan kepercayaan kepada cogan kata Kerajaan "Bersih, Cekap dan Amanah", Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah menimbangkan dengan serius hal mengarahkan Menteri-menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan membuat pengisytiharan awam nilai harta benda mereka.

Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih lagi tidak mahu membuat sedemikian, Tuan Speaker, saya akan menyeru Kerajaan menimbangkan hal memaksa orang-orang tersebut mengisytiharkan nilai harta benda mereka setiap tahun kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri supaya wakil-wakil rakyat yang dipilih boleh memeriksa bagi kepentingan orang ramai.

6.48 ptg.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab ucapan penangguhan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong mengenai undang-undang untuk mewajibkan pengisytiharan harta oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Ahli-ahli

EXCO dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi mewajibkan Menteri-menteri, Ahli-ahli EXCO dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan mengisytiharkan harta yang dimiliki oleh mereka. Peraturan-peraturan dan arahan telah pun dikeluarkan kepada Menteri-menteri, Ahli-ahli EXCO dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan untuk mengisytiharkan harta mereka. Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap pemilikan harta oleh Menteri-menteri, Ahli-ahli EXCO dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan meminta supaya siasatan dijalankan.

Kerajaan juga merasakan bahawa peraturan-peraturan yang ada sekarang adalah mencukupi dan berkesan pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul untuk diputuskan iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 17, Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 17, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin, 23hb Julai, 1984 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.